


**Jilid II
Bil. 35**



**Hari Rabu
29hb Oktober, 1980**

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT
*HOUSE OF REPRESENTATIVES***

**PARLIMEN KELIMA
*Fifth Parliament***

**PENGGAL KEDUA
*Second Session***

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 4451]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1981 [Ruangan 4481]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1981 [Ruangan 4482]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N.
S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' HUSSEIN ONN,
D.K. (Johor) (Sri Gading).

” Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian,
DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.J., S.P.M.S., S.S.A.P.
(Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N.
(Segamat).

” Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI,
P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

” Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI
BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

” Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL
GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

” Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN
MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).

” Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ
BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).

” Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).

” Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALIEGH HAMZAH, D.K.,
P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

” Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu
Berendam).

” Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah, DATO' SHARIEF AHMAD, D.S.A.P.,
D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).

” Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J.,
D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).

” Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN,
D.P.M.P. (Lumut).

” Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M.
(Taiping).

” Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T.
(Kuala Trengganu).

” Menteri Tenaga Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK ROK,
P.N.B.S. (Kanowit).

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., D.P.M.J. (Muar).
- ” Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungei Siput).
- ” Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- ” Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- ” Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO' MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- ” Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- ” Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- ” Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- ” Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- ” Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- ” Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- ” Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- ” Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI ZAKARIAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.J.K. (Besut).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- ” Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN SANUSI BIN JUNID, S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- ” Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- ” Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- ” Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- ” Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- ” Timbalan Menteri Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., D.S.I.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N., D.J.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, P.C.M., A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, A.M.N., P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMAD (Machang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, PUAN CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, S.M.S. (Ulu Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, D.P.M.J., J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ, A.M.N. (Tanjong Karang).

- Yang Berhormat DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A.K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR, A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT ALIAS CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN EDWARD ESNEN UNANG (Mukah).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN DATUK HAJI ABU ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ DATO' HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA, S.A.P. (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).

- Yang Berhormat TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMAD KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K., (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.N. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S., S.M.J. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO NIK HASSAN BIN WAN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.G.D.K. (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).

- Yang Berhormat TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED, A.M.N., B.S.I., P.S.I. (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K.,
S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DATUK DR WONG SOON KAI, P.N.B.S., P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU, J.P. (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ DATO' HAJI YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD.
JANI, D.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Rabu, 29hb Oktober, 1980

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

KEGIATAN ABIM DAN ARKAM

1. Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah badan sukarela iaitu ABIM dan ARKAM itu membuat kegiatannya betul-betul mengikut undang-undang tubuhnya yang didaftarkan ataupun terdapat kegiatannya terkeluar daripada undang-undang tubuhnya.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) adalah sebuah pertubuhan yang didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 dan mempunyai undang-undang tubuhnya sendiri, sementara ARKAM pula adalah nama suatu kegiatan yang dijalankan di satu kawasan yang berpusat kepada sebuah madrasah di Kampung Sungai Penchala yang didaftarkan di bawah Pertubuhan Surau dan Madrasah dengan Jabatan Ugama Islam. Oleh kerana ARKAM adalah satu kegiatan dan didaftarkan sebagai sebuah surau dan madrasah dan dikelolakan oleh sebuah Jawatan-kuasa maka ia tidak mempunyai sebarang undang-undang tubuh.

Kegiatan ugama yang dijalankan oleh mereka adalah di bawah pimpinan guru-guru yang mempunyai tauliah dari pihak Jabatan Ugama Islam. Disebabkan ARKAM tidak mempunyai undang-undang tubuh maka tidak timbullah perkara sama ada ia patut

atau tidak kepada undang-undang tubuhnya. Sebagai satu kegiatan di bidang ugama ajaran-ajarannya sentiasa mendapat perhatian pihak Majlis Hal Ehwal Ugama Islam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua pertubuhan-pertubuhan termasuklah ABIM adalah sentiasa diawasi oleh Pendaftar Pertubuhan. Pendaftar Pertubuhan akan bertindak ke atas mana-mana pertubuhan yang menyalahi peruntukan yang ada di dalam Akta Pertubuhan 1966 tanpa pilih kasih. Adalah penting diingatkan bahawa undang-undang yang mengawasi pertubuhan-pertubuhan tidaklah terbatas kepada undang-undang tubuh pertubuhan itu sahaja ataupun peruntukan-peruntukan yang ada di dalam Akta Pertubuhan tetapi juga semua undang-undang dan peraturan yang lain di negara ini turut mengawasi kegiatan-kegiatan individu-individu dan pertubuhan-pertubuhan demi keselamatan negara.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengetahui sama ada pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dapat menerima hakikat bahawa ABIM adalah sebuah Badan Dakwah Islamiah dan sama ada Kementerian beliau tahu apakah setiap anggota ABIM yang mengadakan syarahan-syarahan di merata tempat di Malaysia ini mempunyai tauliah daripada negeri-negeri atau Majlis-majlis Ugama Islam negeri-negeri yang berkenaan.

Tuan Sanusi bin Junid: Semua urusan-urusan dakwah yang dijalankan oleh pendakwah-pendakwah adalah di bawah kawalan Jabatan Ugama Islam negeri masing-masing.

**BEKALAN AIR DI KAWASAN
PERAIRAN MUDA**

2. Datuk Haji Abu Bakar bin Umar minta Menteri Pertanian menyatakan adakah beliau sedar bahawa disebabkan kekurangan hujan

di akhir tahun ini takungan air Pedu dan Muda tidak dapat lagi membekalkan air yang cukup untuk membolehkan Petani-petani Kawasan Muda menanam padi dua kali setahun lebih-lebih lagi 5 kali bagi 2 tahun sebagaimana yang dirancangan. Kalau sedar apakah satu ikhtiar yang lain yang dibuat untuk menjamin air yang cukup kepada petani-petani di Perairan Muda.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga): Tuan Yang di-Pertua, dalam masa 3-4 tahun kebelakangan ini hujan di kawasan tadahan Muda dan Pedu serta di bendang-bendang Rancangan Perairan Muda adalah kurang daripada biasa. Bagi menghadapi masalah ini berbagai usaha telah dan sedang dilakukan oleh Kerajaan, di antaranya ialah:

- (1) mengkaji kemungkinan dibina takungan selain daripada kolam takungan Muda dan Pedu dan di samping itu mencari-gali sumber-sumber air di bawah tanah;
- (2) mengadakan program recycling iaitu menggunakan air saliran dari parit-parit serta sungai-sungai dengan mengem-pam naik kepada sistem saliran yang ber-hampiran;
- (3) menjalankan operasi cloud seeding dengan menggunakan kapalterbang untuk menggalakkan hujan pada waktu-waktu yang tertentu di kawasan tadahan Pedu dan Muda serta di kawasan bendang;
- (4) melaksanakan program jangka panjang pembangunan sistem perairan tersiar. Di bawah program ini kemudahan-kemudahan taliair dan parit-parit tambahan akan dibina secara berperingkat-peringkat yang akan memakan masa panjang telahpun dirancangan. Buat masa ini peringkat pertama program tersebut yang dinamakan Projek Muda II sedang dilaksanakan. Sebanyak 37 blok perairan yang meliputi sejumlah 63,000 ekar akan dimajukan dalam tempoh tahun 1979 hingga 1983 dengan peruntukan yang dianggarkan sejumlah \$152.4 juta. Melalui sistem ini adalah diharapkan supaya air dapat diagihkan dan dikawal dengan lebih berkesan.
- (5) memperkembangkan sistem perkembangan pertanian di mana akan ditambah bilangan juruteknik-juruteknik perta-nian yang bertugas sebagai pekerja

perkembangan yang menyampaikan maklumat-maklumat dan rancangan-rancangan Kerajaan kepada petani-petani. Dari rancangan ini juga sistem pengurusan air akan dapat difahami oleh petani-petani dan diharapkan supaya mereka menurut jadual tana-man yang disediakan untuk menjimat-kan bekalan air.

PERCETAKAN NOMBOR TELEFON DALAM BUKU PANDUAN

3. Tuan Haji Hashim bin Endut minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan adakah beliau sedar bahawa banyak nombor-nombor telefon disilap cetak di dalam Buku Panduan Telefon 1980 menyebabkan salah panggilan oleh pengguna-pengguna dan keru-gian pembayaran bill dan menyatakan cara membetulkannya.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Dato Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, boleh jadi ada kemung-kinan sedikit kesilapan percetakan nombor-nombor telefon dalam Buku Panduan Telefon 1980; tetapi peratusannya jika ada adalah kecil sahaja.

Apa yang perlu saya jelaskan kepada Ahli Yang Berhormat ialah bahawa Jabatan Telekom dari semasa ke semasa telah men-jalankan kerja-kerja menukar nombor-nom-bor telefon selaras dengan pembesaran rangkaian telefon tempatan yang mana terpaksa dilaksanakan bagi menampung per-mintaan telefon yang semakin bertambah. Apabila pertukaran nombor-nombor ini dilakukan maka nombor-nombor baru akan hanya dicetak di dalam Buku Panduan Telefon pada tahun berikutnya. Walau bagaimanapun, pertukaran nombor-nombor tele-fon ini adalah diberitahu kepada orangramai melalui iklan-iklan di dalam akhbar-akhbar tempatan dan juga melalui sistem pita rakaman automatik di mana apabila orang ramai membuat panggilan mereka akan di-beritahu supaya membuat pertanyaan kepada Pusat Pertanyaan Panduan Telefon mengenai nombor-nombor telefon yang baru. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Buku-buku Panduan Telefon Jabatan Telekom adalah dicetak tiap-tiap tahun dan dengan demikian segala nombor-nombor ataupun kesilapan percetakan adalah dimasuk dan diperbetul-kan dalam percetakan tersebut.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa bukan sahaja nombor-nombor telefon itu tersilap dalam buku bahkan ada banyak perkara terjadi silap jalan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Jalan apa?

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Kita dialatalah 567 dia pergi 568 atau 569 sebab itu berlakulah wrong numberlah dan sebagainya. Kalau sedar apakah tindakan telah diambil untuk menyelaraskan supaya bila kita dial nombor ini terus dia pergi ke tempat yang kita mahu jangan pergi ke tempat yang lain.

Tuan Yang di-Pertua: Barangkali perkara ini ada lain, cari lain! (*Ketawa*).

Dato Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman: Itu soalan lain, kerana ini percetakan Buku Panduan.

MAS—TAMBANG KONSESI KEPADA PENUNTUT

4. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pengangkutan menyatakan mengapa pihak MAS, sebagai pesawat negara, tidak mahu memberi kadar-kadar konsesi kepada pelajar-pelajar kita yang begitu banyak yang belajar di United Kingdom sedangkan syarikat-syarikat penerbangan lain yang tidak menjadi pesawat negara boleh memberi kadar-kadar konsesi.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MAS telah pun memberi tambang konsesi kepada penuntut-penuntut yang menggunakan penerbangan di antara Malaysia ke United Kingdom dan di antara Malaysia ke negara-negara lain. Ini adalah selaras dengan amalan antarabangsa yang digubal dan dicadangkan oleh International Air Transport Association (IATA).

Saya juga sedar bahawa mungkin terdapat keadaan di mana syarikat-syarikat penerbangan asing mempelawa penuntut-penuntut tambang yang lebih murah daripada tambang khas yang diluluskan oleh Kerajaan. Amalan seperti ini adalah tidak sah dari segi undang-undang dan menyentuh perjanjian dua pihak

di antara Malaysia dan United Kingdom. Syarikat-syarikat penerbangan yang mengamalkan perkara ini disebabkan bahawa mereka mempunyai muatan penumpang-penumpang yang tidak memuaskan. Amalan sedemikian akan menarik risiko denda daripada Kerajaan yang berkenaan.

Saya difahamkan bahawa MAS telah memberi kerjasama kepada penuntut-penuntut melalui Majlis Persatuan Pelajar-pelajar Malaysia di United Kingdom dan Northern Ireland. Saya juga sedar berkenaan dengan kenaikan perbelanjaan pelajaran keseluruhan United Kingdom tetapi adalah tidak menasabah jika dikehendaki MAS memberi konsesi yang lebih lagi melalui penurunan tambang supaya kenaikan perbelanjaan pelajaran yang tinggi di United Kingdom diserapkan. Jika MAS berbuat demikian, operasi MAS ke United Kingdom adalah tidak menguntungkan.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju bahawa seelok-eloknya dasar MAS sebagai pesawat penerbangan negara adalah untuk memperimbangkan kepentingan keuntungan perniagaan dengan kepentingan keperluan rakyat bukan sahaja penuntut tetapi kesemua-semua yang lain.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, ini memanglah menjadi tujuan MAS dan saya hendak menjelaskan bahawa MAS telah memberi kepentingan—telah memberi konsesi secara specific kepada penuntut-penuntut misalnya yang belajar di United Kingdom. Tambang Kuala Lumpur/London sekarang dua hala Kelas Ekonomi ialah \$5,732. Kalau penuntut-penuntut membeli tiket secara APEX atau Advanced Purchase Excursion Rate tambangnya dua hala cuma \$2,160 ini lebih 50% kurang daripada tambang biasa.

Tuan Lee Kaw: Saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan yang memberitahu Dewan ini APEX tiket untuk lawatan Kuala Lumpur ke London dua hala adalah \$2,160 dari MAS. Adakah beliau sedar ada lain Airline seperti QANTAS dan Jordan Airline mengenakan tambang \$1,900 sahaja. Ini bukan satu konsesi di mana rakyat Malaysia boleh enjoy. Jika Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar kapalterbang MAS ini 90%

daripada penumpangnya adalah orang putih— orang asing sahaja, tidak ada Malaysians hendak menggunakan kapalterbang MAS ini.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya secara rasmi tidak sedar, sebab tambang-tambang ini diputuskan oleh IATA dan kalau ada syarikat penerbangan yang menyeleweng tindakan yang sewajarnya boleh diambil oleh Kerajaan yang berkenaan.

Saya hendak tambah di sini, Tuan Yang di-Pertua, bahawa MAS di United Kingdom telahpun bekerjasama secara rapat dengan Persatuan Pelajar-pelajar Malaysia di Britain dan dengan adanya kerjasama rapat di antara MAS dan Persatuan Pelajar telah memberi faedah secara indirect kepada pelajar-pelajar di Britain melalui persatuannya.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah beliau sedar bahawa kebanyakan penerbangan MAS Antarabangsa ini seatnya tidak dipenuhi sebagaimana yang sepatutnya. Jadi adakah Kementerian ataupun pihak Timbalan Menteri bercadang dengan mengadakan konsesi kepada pelajar-pelajar ini bagi menggalakkan pelajar kita menaiki penerbangan MAS sebagai satu cara untuk memenuhi seats yang kosong di dalam penerbangan MAS itu?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, biasanya pada musim universiti-universiti dibuka di United Kingdom atau musim cuti MAS biasanya penuh dan tidak ada banyak tempat yang kosong. Walau bagaimanapun, seperti saya jelaskan tadi memanglah menjadi tujuan MAS menggalakkan penuntut-penuntut menggunakan perkhidmatan MAS dan itulah sebab perkhidmatan APEX telah dikemukakan.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata bahawa MAS ada bekerjasama erat dengan Persatuan pelajar-pelajar di United Kingdom atas perkara ini. Kalau begitu, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa mengenai satu kenyataan yang dibuat oleh Persatuan Pelajar-pelajar di United Kingdom selepas satu rombongan persatuan itu datang balik ke tanahair kita di mana ada melahirkan perasaan tidak puas hati mengenai sikap MAS dalam perkara ini ialah untuk mengurangkan

tambang untuk pelajar-pelajar negara kita untuk pergi ke United Kingdom dan kenapa ada kenyataan seperti itu kalau ada kerjasama yang erat.

Kedua, adakah penurunan lagi tambang untuk pelajar-pelajar United Kingdom dan Kuala Lumpur akan melanggarkan peraturan-peraturan di bawah IATA.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, maaf saya tidak berapa faham soalan kedua Ahli Yang Berhormat itu.

Berkenaan dengan soal yang pertama, Kementerian saya memang sedar bahawa Persatuan Pelajar-pelajar Malaysia telah buat kenyataan seperti disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Pihak pelajar mengesyorkan bahawa tambang APEX yang saya sebutkan tadi \$2,160 diturunkan lagi. Pihak MAS telah timbang dan malangnya pihak MAS tidak dapat terima syor pihak pelajar itu, sebab tambang ini merupakan tambang bersubsidi, kalau tidak ada tempat-tempat di mana penumpang bayar tambang biasa, MAS akan rugi. Jadi ini telah merupakan tambang bersubsidi dan MAS tidak dapatlah turunkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan yang kedua itu sudah dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi iaitu kalau lebih rendah daripada ini maka Kerajaan bagi negeri itu boleh mengambil tindakan, iaitu satu penyelewengan mengikut kata Yang Berhormat tadi.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, bukan begitu soalan saya. Adakah kurang tambang daripada \$2,160 itu melanggar peraturan IATA?

Dr Goh Cheng Teik: Kalau dapat persetujuan IATA, tidak melanggar.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa MAS mungkin tidak untung kalau mengadakan konsesi tambang untuk pelajar-pelajar kita di seberang laut. Pertanyaan saya yang pertama, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk memperkuat hujah beliau menyebutkan manakah syarikat penerbangan yang telah rugi kerana mengadakan konsesi untuk pelajar-pelajar?

Kedua, kalau sekiranya tidak untung, berapakah jumlah kerugian yang dialami oleh MAS semata-mata untuk memberi peluang kepada pelajar-pelajar kita pulang ke tanahair?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan yang pertama itu tidak adil ditanyakan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan yang kedua, melainkan sudah ada angkanya berapa banyak penumpang-penumpang daripada pelajar-pelajar ini, barangkali berkehendak notis. Kalau ada Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak menjawab.

Dr Goh Cheng Teik: Saya perlukan notis.

NELAYAN BUBU DI LAUT CHINA SELATAN DIGANGGU

5. Tuan Awang bin Jabar minta Menteri Pertanian menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementeriannya dalam usaha melindungi nelayan-nelayan bubu di Laut China Selatan dari gangguan nelayan-nelayan asing.

Timbalan Mentei Pertanian (Tuan Haji Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin): Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian dalam usaha melindungi nelayan-nelayan bubu di Laut China Selatan dari gangguan nelayan-nelayan asing adalah seperti berikut:

- (1) Jabatan Perikanan telahpun mewujudkan satu sistem perhubungannya melalui radio wireless yang dilengkapi di atas bot-bot ronda dan di peringkat negeri pula Bilik Kawalan Operasi yang mana akan boleh menghubungi Pusat Kawalan Operasi di Ibu Pejabat Perikanan. Semua aduan-aduan daripada nelayan yang diterima oleh Pusat Kawalan Operasi akan dilaporkan kepada Bilik Gerakan Ibu Pejabat Polis Di Raja Malaysia dan Tentera Laut Di Raja Malaysia yang mana akan menghubungi bot-bot ronda yang ada di kawasan itu untuk mengambil tindakan selanjutnya.
- (2) Satu Rang Undang-undang yang mana akan memberi kuasa kepada agensi-agensinya penguatkuasaan untuk membuat penangkapan di Zon Eksklusif Ekonomi sedang digubal.

(3) Nelayan-nelayan bubu dinasihatkan supaya mengusahakan bubu secara berkumpulan.

(4) Pada tahun 1981 Jabatan Perikanan akan menubuhkan 4 wilayah penguatkuasaan yang meliputi Semenanjung Malaysia. Gerakan wilayah ini bertujuan untuk mewujudkan satu sistem penguatkuasaan yang lebih berkesan. 4 wilayah tersebut akan berpangkalan di Pulau Pinang, Pelabuhan Kelang, Johor Bharu dan Kuala Trengganu.

Adalah diharapkan daripada langkah dan rancangan yang akan diambil nelayan-nelayan di Laut China Selatan dapat dilindungi dari gangguan nelayan-nelayan asing.

KEBAKARAN PELABUHAN KELANG—LAPORAN

6. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan telah menyiapkan penyiasatannya mengenai kebakaran api yang telah memusnahkan Pelabuhan Selatan Pelabuhan Kelang pada awal bulan Jun tahun ini, jika sudah bagaimanakah laporan penyiasatan itu;
- (b) berapakah banyak pampasan yang telah dibayar setakat ini kepada semua mangsa-mangsa yang terlibat;
- (c) sejauh manakah pembinaan semula Pelabuhan Selatan telah dijalankan dan apakah tindakan yang akan diambil bagi memastikan yang lain-lain pelabuhan akan mengetatkan langkah-langkah keselamatan bagi mencegah trajedi yang sama berulang lagi.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Pengangkutan masih belum lagi menerima laporan terakhir mengenai sebab-sebab kebakaran daripada Jabatan Polis dan Kimia.
- (b) Tiada pampasan atau yang serupa dengannya yang telah dibayar kepada mangsa-mangsa yang berkenaan. Kerja-kerja membaiki rumah Kerajaan dan rumah pangsa yang didiami oleh pekerja-pekerja pelabuhan telah dijalankan dan bantuan telah diberi untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh mangsa-mangsa kebakaran dan letupan.

Sebagai langkah-langkah serta merta, Menteri Pengangkutan telah meluluskan sejumlah \$3.0 juta untuk Tabung Kecemasan bagi membolehkan Lembaga Pelabuhan Kelang menjalankan kerja-kerja membaiki rumah-rumah Kerajaan, rumah pangsa, gudang-gudang dan jentera dan juga untuk menampung perbelanjaan kecemasan kebajikan umpamanya pembelian makanan dan minuman untuk mangsa-mangsa kebakaran, derma untuk keluarga/penghuni rumah-rumah Lembaga Pelabuhan yang ditimpa bencana tersebut dan derma khas kepada mereka yang meninggal dunia akibat kebakaran. Hingga hari ini, sejumlah \$2.5 juta telah dibelanjakan dari Tabung ini.

Sejumlah \$265,385.50 mengandungi \$126,000 sebagai derma dari Kementerian Kebajikan dan \$139,385.50 dari orang-orang awam talahpun dipungut untuk Tabung Malapetaka Daerah untuk tujuan yang sama. Semua mangsa berdaftar telah dibayar \$150 seorang, manakala mereka yang terlibat dalam memadam api dan kemudiannya cedera dan dimasukkan ke hospital telah diberi \$50 seorang. Jumlah yang dibahagi-bahagikan hingga ke hari ini ialah \$120,600. Baki sebanyak \$144,785.50 masih belum lagi dibahagi-bahagikan. Jumlah sebanyak ini akan diberikan kepada mangsa-mangsa berdaftar yang telah mengalami kerugian lebih daripada \$150.

- (c) Sejumlah 6 buah gudang telah musnah sama sekali dan 10 buah lagi telah rosak akibat kebakaran dan letupan di Pelabuhan Selatan. Gudang-gudang pelabuhan yang mengalami kerosakan telah dibaiki oleh Lembaga Pelabuhan dan telah digunakan untuk menyimpan dagangan.

Lembaga Pelabuhan Kelang telah mengambil langkah-langkah untuk membina semula gudang-gudang yang dimusnahkan sama sekali oleh kebakaran dan letupan, dengan membina 4 buah gudang seluas 60,000 kaki persegi tiap-tiap satu di Pelabuhan Selatan. Gudang-gudang ini akan menambah sebanyak 23.4% ruang simpanan dagangan. Gudang-gudang ini dijangka siap pada akhir tahun 1981. Langkah-

langkah keselamatan yang diambil oleh Pelabuhan Kelang adalah seperti berikut:

- (1) Mengetatkan pengawasan dan kawalan ke atas dagangan yang keluar-masuk gudang-gudang yang dikendalikan oleh sektor swasta.
- (2) Menambah langkah-langkah keselamatan yang dikuatkuasakan di semua gudang demi menentukan bahawa risiko kebakaran dapat dikurangkan.
- (3) Mengemaskini klasifikasi Dagangan Merbahaya untuk menentukan keluaran-keluaran baru akan dimasukkan di dalam senarai tersebut dan oleh yang demikian dagangan ini tidak akan dapat diambil tanpa pemeriksaan di pelabuhan.
- (4) Menjalankan dengan lebih cergas peraturan kecemasan untuk menentukan supaya sekiranya berlaku kebakaran, tindakan serta-merta dapat diambil untuk mencegahnya dari merebak dan jika perlu, bantuan luar termasuk Bomba Negeri, Polis dan Hospital dapat dipanggil dengan segera.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini tentang sebab-sebab kelambatan untuk menyiapkan penyiasatan dan laporan terhadap kebakaran di Pelabuhan Kelang Selatan Port Kelang. Memandangkan bahawa kebakaran itu telah berlaku beberapa bulan yang lepas dan juga oleh sebab kebakaran itu ada kesan yang penting, saya suka bertanya sama ada beliau ataupun Menteri bercadang untuk mengarahkan supaya siasatan itu dapat disiapkan dengan secepat mungkin yang boleh.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, siasatan yang dijalankan oleh pihak Polis dan Jabatan Kimia masih dijalankan dan oleh kerana Jabatan-jabatan itu terletak di luar Kementerian saya, Kementerian saya terpaksa bersabar. Walau bagaimanapun, di dalam Kementerian ini iaitu di Lembaga Pelabuhan Kelang, satu siasatan telah dijalankan oleh kakitangan Lembaga sendiri dan laporan itu pun telah dikemukakan kepada Menteri Pengangkutan.

PROJEK PERUMAHAN AWAM KOS RENDAH

7. Dr Tan Tiong Hong minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk mengenalkan penyertaan Kerajaan dalam rancangan perumahan kos rendah pada masa depan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab maksud sebenar pertanyaan Yang Berhormat ini agak sukar difahami, maka saya mohon izin Tuan Yang di-Pertua untuk memberi jawapan mengikut anggapan maksud sebagaimana yang saya fahami. Sekiranya maksud mengenalkan penyertaan Kerajaan itu bererti memberi publisiti yang lebih luas tentang projek perumahan awam kos rendah, sukacita saya menyatakan bahawa langkah-langkah seumpama itu memang telah sentiasa dijalankan dan hasilnya telah menyebabkan sambutan orang ramai terhadap projek-projek rumah awam kos rendah yang dilaksanakan oleh Kerajaan adalah sangat menggalakkan. Jika sekiranya Yang Berhormat itu bermaksud hendak mengetahui penyertaan Kerajaan khususnya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam rancangan-rancangan perumahan awam kos rendah, saya suka memberi keterangan-keterangan seperti berikut:

- (1) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melibatkan penyertaannya secara langsung hanya dalam pelaksanaan projek-projek rumah awam kos rendah sahaja iaitu dengan cara meneliti dan meluluskan projek-projek yang dicadangkan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri, menyediakan peruntukan-peruntukan untuk projek rumah awam kos rendah yang diluluskan, bekerjasama dengan Kerajaan-kerajaan Negeri dan agensi-agensinya pelaksana dalam pelaksanaan pembinaan projek-projek tersebut. Kerajaan-kerajaan Negerilah yang bertanggungjawab sepenuhnya atas pelaksanaan projek dan penjualan rumah-rumah tersebut.
- (2) Bagi rancangan perumahan kos rendah, yang juga pernah disebut sebagai rumah harga rendah, adalah juga dilaksanakan

oleh pihak swasta dan setengah-setengah agensi Kerajaan secara berseendirian.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh sebab soal pembinaan rumah kos rendah ini telahpun menjadi begitu rumit dan penting, adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan sebuah badan berkanun, Lembaga Perumahan Negara misalnya, untuk menyertai dalam perusahaan pembinaan rumah murah ini secara langsung?

Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, cadangan seumpama ini pernah disampaikan kepada pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan telah diteliti dari masa ke semasa dan sehingga sekarang ini belum ada cadangan untuk menubuhkan Lembaga Perumahan Negara sebagaimana yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu.

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan sedar atau tidak, walaupun langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kerajaan untuk mendirikan lebih rumah kos rendah tetapi langkah-langkah yang sedang diambil tidak begitu berkesan dan adakah pihak Kementerian Perumahan ingin mengkaji semula langkah-langkah yang telah diambil dan mengambil lagi langkah yang lebih berkesan untuk menghadapi masalah ini khasnya di dalam wilayah Persekutuan.

Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang telah diambil setakat ini mengatasi masalah-masalah yang dihadapi di dalam pelaksanaan projek-projek perumahan awam kos rendah ada memberi kesannya tetapi saya akui langkah-langkah tersebut perlu diteliti dan dikaji dari masa ke semasa dan diperbaiki untuk melipatgandakan lagi prestasinya pada masa yang akan datang.

Jika Ahli Yang Berhormat itu meneliti ucapan Belanjawan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan banyak didapati insentif-insentif di dalam industri perumahan ini diberi melalui Belanjawan itu dan ada juga beberapa langkah baru umpamanya menambah peruntukan Tabung Pusingan bagi membolehkan Kerajaan-kerajaan Negeri

menyegerakan peyediaan tapak-tapak untuk projek perumahan ini dan begitu juga peruntukan-peruntukan untuk perbelanjaan ukur tapak awalan ini. Langkah-langkah ini adalah dijangka akan membantu mengurangkan lagi masalah-masalah yang dimaksudkan itu.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan bahawa rumah-rumah awam kos rendah mendapat sambutan yang hebat dari rakyat. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi tahu Dewan ini bagaimanakah diukur keperluan itu dari angka dan kajian yang dibuat bahawa keperluan dari angka itu dapat dipenuhi atau setakat mana yang telah dicapai oleh Kerajaan dalam perancangannya menerusi berbagai insentif bagi memenuhi keperluan yang dikehendaki dari sambutan rakyat itu?

Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya maksudkan mendapat sambutan yang menggalakkan itu boleh dikatakan pada umumnya hampir kesemua projek perumahan awam kos rendah yang dibina dengan peruntukan pinjaman dari Kerajaan sama ada yang dijalankan oleh agensi-agensi Kerajaan Negeri sebagai agensi pelaksana mendapat sambutan dan mendapat permintaan daripada orang ramai.

Berhubung dengan soalan Ahli Yang Berhormat berkenan dengan angka setakat manakah keperluan, jika tidak salah fahaman saya, apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah bagaimanakah pelaksanaan projek-projek perumahan awam kos rendah itu boleh mencukupi keperluan permintaan daripada orang ramai, maka sukacita saya mengatakan mengikut dasar Kerajaan yang dijalankan sekarang ini, kita akan berusaha sedaya upaya membekalkan rumah untuk permintaan yang diperlukan oleh orang ramai. Tetapi adalah dijangka bahawa kita tidak akan dapat memberikan rumah kepada tiap-tiap orang penduduk di dalam negara kita ini dalam masa yang singkat.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan apakah asas yang digunakan oleh pihak Kerajaan Pusat bagi membahagikan wang tabung pusingan

kepada tiap-tiap negeri purata atas kadar \$20 juta. Apakah asas yang telah digunakan sama ada Kerajaan Pusat telah membuat kajian di atas kemampuan tiap-tiap Kerajaan Negeri dan agensi-agensinya melaksanakan rancangan perumahan awam kos rendah dan sama ada Kerajaan bercadang untuk memberikan peruntukan yang lebih kepada negeri-negeri yang memerlukan rumah awam kos rendah yang lebih dan juga mempunyai keupayaan untuk melaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat?

Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, tabung pusingan ini adalah dikhaskan bagi Kerajaan-kerajaan Negeri menyediakan tapak-tapak perumahan awam kos rendah iaitu khusus untuk mengambil balik tanah dan juga untuk kegunaan awalan yang diperlukan, berasaskan kepada peruntukan \$5 juta yang diberikan kepada tiap-tiap negeri sebelum daripada itu didapati tidak mencukupi, maka atas asas itulah ditambah kepada \$20 juta pada tiap-tiap negeri dan setakat ini diberi sama rata kepada tiap-tiap negeri.

Sukacita dimaklumkan peruntukan ini adalah tabung pusingan dan ianya akan dijangka dapat dipungut balik. Sekiranya tabung pusingan sebanyak \$20 juta bagi tiap-tiap negeri tidak mencukupi, dan jika perlu ditambah, ianya akan dikaji dan diteliti mengikut keperluan dari masa ke semasa.

BURUH-BURUH ASING DI LADANG-LADANG

8. **Tuan Seow Hun Khim** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sama ada benar Kerajaan akan mengambil masuk pekerja-pekerja dari negeri asing untuk bekerja di ladang-ladang dan sama ada beliau bersetuju skim seperti ini akan mengancam peluang bekerja buruh-buruh di negeri ini.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan William Lye Chee Hien): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya telah menerima beberapa laporan yang menunjukkan bahawa terdapat beberapa buah ladang, khasnya ladang kelapa sawit, yang sedang menghadapi kekurangan tenaga pekerja, dan Kementerian saya memang memandang berat terhadap perkara ini.

Langkah-langkah sedang diambil oleh Kementerian saya untuk mengesan kedudukan dan sebab-sebab sebenar berlakunya kekurangan tenaga buruh ini dengan tujuan mencari jalan bagi mengatasinya. Buat masa ini saya tidaklah dapat mengatakan jika pekerja negara asing akan diambil ataupun tidak. Keputusan di atas perkara ini terpaksa menunggu sehingga kajian yang dibuat sekarang dapat diselesaikan.

Walau bagaimanapun, sebelum langkah seperti ini diambil, Kerajaan memang bertanggungjawab memastikan agar peluang-peluang pekerjaan di ladang-ladang ditawarkan terlebih dahulu kepada penduduk tempatan dan keadaan pekerjaannya adalah memuaskan. Dengan hal yang demikian, soal mengenai peluang-peluang pekerjaan pekerja-pekerja kita terancam tidak seharusnya timbul.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa kekurangan pekerja di ladang di Malaysia hari ini bukanlah kerana kita kekurangan pekerja, tetapi adalah kerana pekerja-pekerja kita tidak mahu bekerja di ladang-ladang oleh kerana adanya keadaan pekerjaan dan juga ganjaran yang kurang memuaskan. Jadi sebagai salah satu langkah untuk mengatasi kekurangan pekerja di ladang-ladang itu adakah Kementerian rancangan untuk memperbaiki keadaan pekerjaan di ladang-ladang?

Tuan William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya telah mengambil tindakan di atas perkara ini dan saya harap kedudukan ini boleh dibaiki di masa yang akan datang.

Tuan Lee Kaw: Tuan Yang di-Pertua, menurut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh tadi menyatakan tindakan sudah diambil, bolehkah beliau menjelaskan apakah tindakan yang sudah diambil itu supaya kita boleh beri tahu kepada kaum pekerja apakah tindakan yang sudah diambil. Kita mahu tahu.

Tuan William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, salah satu tindakan Kementerian saya sudah ambil ialah Kementerian saya menghubungi majikan-majikan ladang supaya membina rancangan-rancangan perumahan di

ladang mereka. Kami juga ada satu undang-undang yang boleh menyeru majikan menyediakan bukan sahaja rumah-rumah pekerja tetapi juga lain-lain kemudahan.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada pandangan saya memanglah rumit sekali soal kekurangan pekerja di ladang. Soalan saya apakah tindakan-tindakan yang sedang diambil oleh pihak Kerajaan untuk mencari teknik-teknik baru untuk menoreh getah supaya masalah kekurangan pekerja dapat diatasi.

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan lain, Yang Berhormat Datuk Haji Sakaran bin Dandai.

(Soalan No. 9 Y.B. Datuk Haji Sakaran Sakaran bin Dandai tidak hadir).

LAPORAN JAWATANKUASA KABINET—NISBAH GURU/KELAS

10. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan setakat ini, sejauh manakah tindakan telah diambil oleh Kerajaan terhadap perakuan 235.1 Laporan Jawatankuasa Kabinet dalam mengkaji semula nisbah guru/kelas seperti yang diperakukan dalam Pekeliling Pentadbiran Bil. 3/67, mengenai saiz kelas dan sekolah serta kedudukan sekolah-sekolah yang mengadakan dua sidang.

Menteri Pelajaran (Dato' Musa bin Hitam): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya telah menubuhkan satu Jawatankuasa Khas untuk mengambil tindakan di atas perakuan yang dibuat oleh Jawatankuasa Kabinet mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran mengenai nisbah guru/kelas yang terkandung dalam Pekeliling Pentadbiran Bil. 3/67. Jawatankuasa Perancangan Pelajaran yang dipengerusikan oleh saya sendiri sebagai Menteri Pelajaran telah bersetuju dengan cadangan-cadangan yang dibuat oleh Jawatankuasa Khas ini. Deraf terakhir telahpun dikemukakan pada badan-badan Kerajaan yang terlibat untuk mendapatkan persetujuan sebelum dilaksanakan. Tentang sekolah dua sidang pula Kementerian saya sedang mengkaji perkara ini kerana sebelum ini dapat dilaksanakan bangunan-bangunan tambahan perlu diadakan.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri Pelajaran menerangkan, antara lain, syor-syor yang telah diubah hasil daripada perakuan 235.1 itu dalam Dewan ini.

Dato' Musa bin Hitam: Saya sudah jawab.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat menerangkan berkenaan dengan perubahan-perubahan yang akan dijalankan, walaupun perkara itu belum dilaksanakan lagi, umpamanya, kalau nisbah berkenaan guru di sekolah rendah pada masa sekarang 1:2. Jadi sekarang berapa dan kalau nisbah murid dalam satu darjah sekarang 55 sekarang berapa?

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kerana tidak dapat menyebutkan di sini oleh sebab takut salah faham nanti kalau saya sebutkan, tetapi apabila tiba kepada agensi-agensi Kerajaan lain ada pandangan lain, jadi tidak molek saya sebutkan sebelum keputusan muktamad dibuat.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada sekolah dua sidang untuk matlamat mengadakan satu sidang, adakah pihak Menteri berkenaan dapat memberitahu Dewan ini bahawa pihak Kementeriannya telahpun merancangkan di dalam Rancangan Malaysia Keempat bahawa hakikat ini akan mula dilaksanakan.

Dato' Musa bin Hitam: Jawabnya, Tuan Yang di-Pertua, ya.

BANK SIMPANAN NASIONAL— KEUNTUNGAN

11. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Kewangan menyatakan berapa banyakkah Bank Simpanan Nasional mendapat keuntungan atau sebaliknya sepanjang perkhidmatan kepada rakyat dalam tahun 1979.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Mak Hon Kam): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan ini adalah sebahagian dari soal yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat sendiri dalam Dewan Yang Mulia ini di persidangan 19hb Jun, 1980, dan jawapannya telahpun diberikan. Walau bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat sekali lagi ingin

saya nyatakan bahawa Bank Simpanan Nasional telah mendapat keuntungan bersih sebanyak \$501,026.29 sepanjang operasinya dalam tahun 1979.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau perkara ini sudah dijawab dahulu, melainkan ada satu perkembangan baru, tidak payah jawab lagi, lain kali.

BADAN-BADAN BERKANUN DALAM PERNIAGAAN

12. Tuan Chan Teck Chan minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah yang positif telah diambil untuk mencegah badan-badan berkanun daripada melibatkan diri dalam bidang perniagaan tanpa menilai implikasi kewangannya seperti mana yang dibidas oleh beliau dalam upacara perasmian simposium mengenai badan-badan berkanun dan penguasa-penguasa kerajaan tempatan pada 28-8-1980, sila nyatakan setakat ini berapakah badan-badan serupa ini telah terlibat dalam kes-kes ini dan berapakah jumlah kerugian yang telah dialami.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kementerian Kewangan sedang mengetatkan langkah-langkah dalam pemberian wang kepada badan-badan berkanun. Sebelum sesuatu projek itu dibiayai, kajian yang lebih teliti adalah dijalankan, terutamanya atas andaian-andaian yang digunakan. Ini akan menentukan supaya ramaian-ramalan yang dibuat adalah lebih realistik.

Masalah-masalah yang dihadapi oleh beberapa projek ialah oleh kerana berlakunya perkara-perkara yang di luar dugaan yang sepatutnya diambilkira sebelum sesuatu projek itu dilancarkan. Dalam hal ini saya ingin menyatakan bahawa adalah sukar bagi saya pada masa ini untuk menyatakan dengan tepat berapakah jumlah kerugian yang berpunca daripada penilaian projek yang kurang teliti. Tetapi adalah dianggarkan bahawa jumlah kerugian itu setakat ini adalah amat kecil jika dibandingkan dengan jumlah pelaburan dan harta-harta yang telah diwujudkan. Namun demikian, Kerajaan tidak memandang ringan atas masalah ini dan sentiasa mengambil langkah-langkah positif untuk memperbaiki pelaburan-pelaburan itu.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat ada berkata bahawa sebelum sesuatu projek dilancarkan maka kajian-kajian atau penilaian-penilaian akan dijalankan dengan telitinya. Kalau perkara ini sudah dijadikan satu amalan dan peraturan bagi pihak Kementerian yang berkenaan untuk melaksanakan sesuatu projek berasaskan pada kajian kemungkinannya, maka apakah sebab berlakunya skandal-skandal seperti di Pelabuhan Kuantan, Gula Negeri Sembilan dan Perak dan lain-lain projek. Kesemua projek ini sudah membawa kerugian melebihi saya yakin adalah billion dollars, bolehkah Yang Berhormat memberitahu Dewan ini apakah langkah-langkah telah diambil untuk memastikan sesuatu projek yang sebelum dijalankan maka kajian kemungkinannya terlebih dahulu perlu diserahkan kepada Kementerian Kewangan untuk menilai dan mengkajinya.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi amalan Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri untuk menjalankan kajian kemungkinan atas sebarang projek yang hendak dilakukan. Tetapi masalah skandal yang sengaja ditimbulkan oleh pihak Pembangkang itu adalah suatu perkara yang mungkin tidak dapat dielakkan. Walaupun perkara itu mungkin tidak dapat diduga semasa penelitian dan kajian kemungkinan itu dibuat, padahal banyak juga projek-projek yang di'ailankan oleh pihak swasta gagal dan menghadapi masalah sesudah ianya dilancarkan, banyak perkara yang tidak dapat diduga mungkin akan berlaku. Sungguhpun demikian, kita sekarang memberi perhatian yang berat di atas segala projek yang hendak dilaksanakan dengan kajian kemungkinan sebelum sesuatu projek itu dijalankan.

OPERASI ISI PENUH

13. Datuk Lee Boon Peng minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa sungguhpun Operasi Isi Penuh telah dijalankan oleh Pejabat Perkhidmatan Awam baru-baru ini, masih terdapat satu kekurangan serius kakitangan-kakitangan pejabat di taraf pertengahan pentadbiran Kerajaan, khasnya pegawai-pegawai akauntan dan kerani

akauntan, dan dengan pertambahan belanjawan dalam projek-projek pembangunan, Kerajaan memerlukan lebih banyak pegawai-pegawai akauntan supaya mengira belanjawan yang semakin besar itu.

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat itu kekosongan jawatan akauntan adalah merupakan kekosongan yang agak sukar diisi kerana ia adalah jawatan professional di mana calon-calon yang benar-benar layak dan terlatih tidak mencukupi di pasaran buruh.

Sebagaimana yang telah diketahui kekurangan ini adalah juga disebabkan masa untuk mendapatkan kelulusan akademik yang berkenaan adalah agak panjang iaitu tidak kurang daripada 4 tahun. Walau bagaimanapun, Kerajaan sedar tentang kesulian ini dan sentiasa mengambil langkah-langkah yang sesuai bagi mengatasinya.

Pada masa ini terdapat 30 kekosongan jawatan akauntan di pelbagai Jabatan Persekutuan, jawatan ini telah diiklarkan pada 12hb Jun, 1980 dan tindakan sedang diambil untuk memilih calon-calon yang berkelayakan dan sesuai bagi mengisi kekosongan tersebut. Sementara itu juga Kerajaan sedang berusaha mendapatkan calon-calon dari luar negeri untuk melantik secara kontrak. Langkah ini adalah sebagai rancangan jangka pendek dan dibuat hanya jikalau calon-calon tempatan tidak mencukupi. Sebanyak 34 tawaran secara kontrak telah dikeluarkan baru-baru ini bagi maksud di atas.

Bagi langkah jangka panjang bilangan pelajar-pelajar di dalam bidang-bidang pengajian tinggi yang berkaitan sama ada di dalam atau di luar negeri adalah juga ditambah dari masa ke semasa termasuklah juga biasiswa-biasiswa yang diberikan.

Bagi jawatan Penyimpan Kira-kira pula bukan Kerani Akaun seperti mana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, pada masa sekarang ini kekosongan adalah sebanyak 31 jawatan dan kedudukannya adalah seperti berikut.

Apabila Operasi Isi Penuh peringkat pertama dilancarkan, kekosongan Penyimpan Kira-kira adalah berjumlah 49 jawatan dan

49 calon telah dipilih untuk mengisi semua kekosongan ini termasuk 89 orang calon simpan. Malangnya, dari jumlah 49 tawaran yang dibuat hanya 12 orang sahaja yang menerima tawaran dan oleh itu 37 tawaran baru telah dikeluarkan dari senarai calon-calon simpanan. Sungguhpun begitu tidak semua tawaran yang telah diterima oleh calon-calon yang dipilih ataupun calon-calon simpanan. Kesudahannya semua calon-calon simpanan telah ditawarkan jawatan Penyimpan Kira-kira, tetapi hanya sekumpulan sahaja yang telah menerima, akibatnya kekosongan masih berlaku. Ada pula yang telah menerima tawaran dan telah mula bekerja tetapi meletak jawatan selepasnya untuk memegang jawatan lain. Oleh yang demikian, kekosongan asal tidak dapat diisi sepenuhnya dan juga apabila dicampur dengan jawatan-jawatan baru yang diwujudkan jumlah kekosongan Penyimpan Kira-kira kini telah menjadi 31 jawatan, jawatan-jawatan ini telahpun diiklankan sekali lagi dan proses pengambilannya sedang berjalan.

Dari maklumat di atas adalah nyata bahawa masalah kekosongan Penyimpan Kira-kira bukanlah berpunca dari kekurangan calon-calon seperti dalam kes akauntan, tetapi adalah berpunca dari calon-calon yang berjaya tidak mempunyai minat dalam kerja-kerja perakaunan telah bekerja sejurus waktu ataupun mereka ini adalah bersifat mungkin jadi pemilih atau choosy. Jawatan kosong pada tiap-tiap jenis jawatan berkenaan tidaklah sebanyak hanyalah dalam lengkongan lebih kurang 30 orang sahaja.

Datuk Lee Boon Peng: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya sama ada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan menimbankan untuk menubuhkan satu institut pelajaran serupa INTAN di mana kakitangan-kakitangan pejabat boleh menerima latihan di dalam sistem perakaunan Kerajaan.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini latihan-latihan bagi akauntan memangpun dijalankan bukan sahaja di dalam negeri malahan di luar negeri juga mereka ini diberi peluang untuk berlatih di mana difikirkan perlu.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya jika seorang pegawai yang sedang memegang satu jawatan

dan ia telah dihantar untuk mengikuti kursus-kursus tertentu baik dalam negeri ataupun luar negeri, adakah jawatan itu dianggap sebagai satu kekosongan ataupun dianggap sebagai jawatan yang telah diisi kerana terdapat juga ramai pegawai yang walaupun atas namanya berkhidmat tetapi mereka sedang mengikuti kursus-kursus yang tertentu.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, biasanya pegawai-pegawai yang dihantar untuk mengikuti latihan-latihan adalah merupakan latihan-latihan yang pendek dan di mana mereka ini masih memegang jawatan sehingga balik untuk memenuhi jawatan-jawatan itu maka jawatan yang dipegang oleh pegawai itu adalah tetap, masih dalam pegangannya. Dengan perkataan yang lain, tidaklah merupakan satu jawatan yang kosong. Jikalau satu-satu jawatan itu perlu diisi atau ditambah untuk memenuhi kehendak yang dikehendaki bagi melicinkan jentera satu-satu jabatan maka kekosongan akan diadakan dan pegawai baru akan diambil untuk mengisi tempat pegawai yang sedang berlatih itu.

JURURAWAT BERTUGAS DI SUBANG AIRPORT

14. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah perlunya diadakan perkhidmatan jururawat di Subang Airport sedangkan pegawai-pegawai Imigresen dan Kastam telahpun ada bertugas di situ, sama ada perkhidmatan jururawat di Subang Airport itu bersamasama dengan pegawai-pegawai Imigresen dan Kastam adalah mustahak dan perlu dikekalkan. Jika tidak, mengapa?

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, ingin saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa jururawat-jururawat di Lapanganterbang Antarabangsa Subang itu adalah anggota pasukan perubatan dan kesihatan yang terdiri dari Doktor, Jururawat dan Inspektor Kesihatan. Tugas mereka ialah menjalankan pemeriksaan kesihatan kepada pendaratang-pendatang ke negara ini melalui Lapanganterbang Subang.

Di samping itu, mereka membantu Doktor bila ada rawatan kecemasan untuk pesakit yang mungkin terdiri daripada kakitangan di Lapanganterbang ataupun pendaratang, dan

juga rawatan kepada orang-orang yang dikenakan kerantina di Lapanganterbang itu. Tugas-tugas ini tidak boleh dijalankan oleh pegawai-pegawai yang bukan dari perkhidmatan kesihatan.

Pemeriksaan Kesihatan bagi pendarang-pendatang di Lapanganterbang Antarabangsa atau juga pelabuhan sangatlah mustahak untuk mengawal kesihatan rakyat di negara ini. Dengan adanya pemeriksaan itu maka dapat dicegah kemasukan penyakit-penyakit merbahaya yang boleh dibawa masuk dari luar negeri, seperti demam kuning (yellow fever) dan sebagainya, pemeriksaan kesihatan ini diuruskan tanpa banyak gangguan terhadap pendaratan penumpang-penumpang di lapanganterbang itu.

Malaysia, sebagai Ahli Pertubuhan Kesihatan Sedunia dan pihak penandatanganan kepada Peraturan Kesihatan Antarabangsa perlu mengadakan perkhidmatan kesihatan di pelabuhan antarabangsa seperti Lapanganterbang Subang untuk tujuan saya sebutkan itu. Tanggungjawab kakitangan kesihatan adalah berlainan dari tugas-tugas perkhidmatan pegawai-pegawai Kastam dan Imigresen.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 9 dan No. 15 hingga 21 adalah diberi di bawah ini)

SEKOLAH RENDAH KAMPONG PABABAG/KAMPONG BANGAU-BANGAU

9. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian mempunyai rancangan untuk membina sebuah sekolah rendah di Kampong Pababag dan sebuah lagi di Kampong Bangau-bangau di daerah Semporna, sebuah kawasan yang padat penduduknya (lebih daripada 3,000 orang) dan perhubungan di kedua-dua buah kampung ini sangat sukar dan permohonan untuk membina sekolah-sekolah ini telah dibuat beberapa kali kepada pihak yang berkenaan tetapi sehingga hari ini masih belum ada jawapan; jika ya, bilakah sekolah-sekolah tersebut akan dibina.

Dato' Musa bin Hitam: Adalah menjadi tujuan Kementerian saya untuk menyediakan kemudahan sekolah di tempat-tempat yang

perlu di negara ini. Akan tetapi rancangan ini hanya dapat dilaksanakan dengan secara beransur-ansur mengikut keupayaan dari segi kewangan, pembinaan, dan juga keutamaan yang sentiasa diambil kira dalam membuat rancangan Belanjawan.

Berkenaan rancangan membina sebuah Sekolah Rendah di Kampong Pababag dan Kampong Bangau-bangau di daerah Semporna itu, Kementerian saya akan menimbangkannya di dalam Rancangan Malaysia Keempat nanti, mengikut asas-asas keperluan di atas.

HOSPITAL BESAR MIRI

15. Tuan Raymond Szetu Mei Thong minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Hospital Besar Miri akan dibesarkan guna menampung bilangan pesakit-pesakit yang akan bertambah pada tahun depan.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Kementerian Kesihatan mempunyai rancangan untuk terus membesarkan Hospital Besar Miri bagi menampung bilangan pesakit-pesakit yang kian bertambah. Tawaran-tawaran telah dipelawa untuk membina sebuah wad perempuan baru dengan 26 buah katil, sebuah wad kanak-kanak yang boleh menampung 27 buah katil dan juga menyambung dapur yang ada sekarang.

KAKITANGAN KERAJAAN JADI EJEN PILIHANRAYA

16. Tuan Ting Chek Ming minta Perdana Menteri menyatakan sama ada kakitangan Kerajaan boleh dilantik sebagai ejen kira (counting agent) untuk sebuah parti politik dalam pilihanraya dan jika tidak, mengapa kakitangan Kerajaan khususnya guru-guru sekolah yang menjadi ahli M.C.A. telah dilantik sebagai ejen kira dan kerani kira (counting clerk) dalam pilihanraya pada 1978 bagi kawasan Lumut.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sesiapa sahaja warganegara yang berkelayakan boleh menjadi ejen pengiraan undi dan kerani mengira undi kepada mana-mana parti politik kecuali jika hilang kelayakannya di bawah Seksyen 13 (1) Akta Kesalahan Pilihanraya 1954.

Bagi kakitangan Kerajaan, peraturan bagi seseorang untuk menceburkan dirinya di dalam politik dan memegang mana-mana jawatan termasuk sebagai ejen pengiraan undi atau kerani mengira undi ada terkandung di dalam Perintah Am 19 di dalam Perintah-perintah Am Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) (Bab "D") 1980.

FELDA—JUALAN HASIL PENEROKA-PENEROKA

17. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan oleh kerana Kerajaan sememangnya mengeksport bahan-bahan mentah yang dikeluarkan oleh agensi-agensi Kerajaan seperti FELDA, sama ada Kerajaan bercadang juga untuk mengeksport barang-barang yang sudah siap diproses oleh peneroka-peneroka sendiri.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato Shariff Ahmad): Hasil pertanian yang dikeluarkan oleh rancangan-rancangan FELDA ialah getah, kelapa sawit, koko dan tebu. Peneroka-peneroka menjualkan hasil mereka kepada kilang-kilang Perbadanan dan Syarikat Usahasama FELDA untuk diproses. Pengeluaran dari kilang-kilang perbadanan dijual pula kepada pembeli-pembeli tempatan dan luar negeri, melalui Perbadanan Pemasaran FELDA.

FELDA sendiri telah menceburkan diri dalam perusahaan memproses bahan-bahan tersebut. Dalam tahun 1976, sebuah syarikat usahasama FELDA telah ditubuhkan untuk mengendalikan perusahaan menapis minyak sawit. Syarikat ini telah mengeluarkan minyak—deodorised (RBD) Palm Oil, RBD Olein, RBD Stearin dan juga "stearic acid" yang digunakan untuk membuat tayar. Jumlah pengeluaran minyak yang siap diproses dalam tahun 1979 ialah 96,000 tan dan di antara negara-negara yang dieksportkan minyak tersebut ialah India dan negara-negara di Timur Tengah.

Tebu yang diusahakan di Cuping, Perlis sekarang ini diproses untuk mengeluarkan gula halus (refined sugar) di Kilang Gula Perlis. Berkenaan dengan getah pula, satu kajian sedang dibuat untuk mengadakan kilang memproses getah SMR bagi mengeluarkan barang-barang yang sudah siap (finished products). Projek-projek lain yang

sedang dirancangan ialah mendirikan kilang-kilang memproses isirong sawit dan biji koko.

FELDA akan meneruskan usaha bagi meningkatkan perusahaan memproses bahan-bahan mentah dan juga lain-lain kegiatan "downstream" yang berkaitan dengan aktiviti-aktivitinya.

Maklumat Tambahan

Peneroka-peneroka adalah digalakkan membeli saham-saham di dalam Perbadanan. Kedudukan sekarang ini mengenai penyertaan peneroka-peneroka di dalam Perbadanan-perbadanan ialah seperti berikut:

Perbadanan	% Saham-saham Peneroka
1. Perbadanan Niaga ...	31.81%
2. Perbadanan Pemasaran	30%
3. Perbadanan Kilang ...	11.18%
4. Perbadanan Angkut ...	29.86%
5. Perbadanan Khidmat Pertanian	29.58%

KEBAKARAN PELABUHAN KELANG— PENYIASATAN

18. Tuan Lee Kaw minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada siasatan ke dalam kebakaran yang menimpa Pelabuhan Kelang telah selesai; jika ya, nyatakan hasil siasatan tersebut.

Dr Goh Cheng Teik: Penyiasatan ke atas punca-punca kebakaran yang berlaku pada 5hb Jun, 1980 di Pelabuhan Kelang tempoh hari masih belum selesai. Pihak Lembaga Pelabuhan Kelang masih menunggu keputusan penyiasatan ini dari pihak polis dan Jabatan Kimia.

GURU-GURU KERAJAAN MEMEGANG JAWATAN UMNO/MCA/MIC

19. Tuan P. Patto minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ada ramai guru Kerajaan yang aktif dan memegang jawatan dalam UMNO, MCA dan MIC di beberapa peringkat tanpa kebenaran yang diperlukan menurut Perintah Am, jika ya, apakah sebab mereka ini dibenarkan berbuat demikian, dan sama ada beliau sedar bahawa kebanyakan guru-guru ini tidak bertugas

dengan sesungguhnya lalu menyumbang kepada kemerosotan mutu pelajaran di sekolah-sekolah, jika ya, apakah tindakan Kementerian beliau akan mengambil terhadap guru-guru ini.

Dato' Musa bin Hitam: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Peraturan 19 Perintah Am (Bab "D") 1980 dan Pekeliling-pekelling Perkhidmatan Bil. 11 Tahun 1971 dan Bil. 30 Tahun 1974 telah menetapkan bahawa pegawai-pegawai dalam Kumpulan A (iaitu Pegawai-pegawai di dalam jawatan-jawatan yang berkehendakkan Ijazah Universiti atau kelayakan Ikhtisas sebagai kelayakan masuk kerja) adalah dilarang sama sekali untuk mengambil bahagian di dalam kegiatan politik. Pegawai-pegawai dalam kumpulan yang bukan Kumpulan A, boleh memegang jawatan-jawatan dalam politik setelah terlebih dahulu memperolehi kebenaran secara bertulis dari Kerajaan.

Saya kurang pasti dengan soalan Ahli Yang Berhormat, sama ada guru-guru yang dimaksudkan itu terdiri daripada guru-guru Kumpulan A atau Kumpulan-kumpulan lain. Ada kemungkinan guru-guru yang memegang jawatan-jawatan politik itu telah pun mendapat kebenaran. Walau bagaimanapun, setakat ini Kementerian ini belum menerima aduan mengenai guru-guru yang mengambil bahagian dalam politik tanpa kebenaran.

Menyentuh tentang guru-guru yang mengabaikan tugas-tugas rasminya kerana kegiatan politik, perkara ini telah pun dijelaskan di Dewan ini pada 22hb Jun, 1979. Walau bagaimanapun, saya ingin tegaskan sekali lagi bahawa tindakan tatatertib yang sewajarnya mengikut Perintah Am (Bab "D") akan diambil terhadap guru-guru yang didapati mengabaikan tugas-tugas rasminya kerana kepentingan politik.

JALANRAYA DI PULAU PINANG— TAMBAHAN PEMBERIAN

20. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan akan menimbang untuk menambahkan pemberian-pemberian jalan yang diberi kepada Negeri Pulau Pinang memandangkan terdapat jurang yang sangat besar di antara pemberian jalan yang diberi dengan jumlah cukai jalan yang dipungut di negeri tersebut,

lebih-lebih lagi disebabkan pihak Jabatan Kerjaraya dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang tidak dapat menyelenggarakan jalan-jalan kerana kekurangan kewangan.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Ya, Kerajaan sedang menimbang untuk menambahkan pemberian jalan tidak sahaja kepada Negeri Pulau Pinang tetapi juga lain-lain negeri di seluruh Malaysia. Bagaimanapun, jumlah pertambahan ini belum dapat ditetapkan lagi kerana ka'ian sedang dilaksanakan sekarang bagi mendapatkan maklumat-maklumat mengenai kos penyenggaraan jalan di tiap-tiap negeri. Saya ingin juga menjelaskan bahawa pemberian jalanraya adalah dibuat bukan berdasarkan kepada jumlah cukai jalan yang dipungut, tetapi adalah berdasarkan kepada kos menyelenggarakan jalan-jalan raya di negeri-negeri seperti yang diperuntukkan di dalam Bahagian II Jadual Ke 10 Perlembagaan Persekutuan. Di samping itu kos pembinaan, pembaikan dan penyenggaraan jalan-jalanraya adalah juga dibiayai daripada hasil biasa Kerajaan dan pinjaman-pinjaman.

KEKURANGAN PEKERJA-PEKERJA DI LADANG-LADANG

21. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sama ada beliau sedar kekurangan pekerja-pekerja di ladang-ladang adalah berpunca dari keadaan-keadaan kerja buruk, gaji rendah dan tidak adanya kemudahan-kemudahan asas; jika ya, apakah langkah-langkah berkesan yang akan diambil oleh kementeriannya untuk menggalakkan lebih banyak buruh-buruh tempatan bekerja di ladang-ladang.

Tuan William Lye Chee Hien: Kekurangan pekerja seperti yang dilaporkan di ladang-ladang kebanyakannya terdapat di ladang kelapa sawit, di mana terdapat kekurangan penuai-penuai (harvesters) dan pekerja-pekerja am. Kekurangan ini terutama sekali dirasai di masa kemuncak musim menuai selama lebih kurang 2 atau 3 bulan, di mana penduduk-penduduk tempatan tidak dapat membekalkan pekerja-pekerja tambahan yang diperlukan. Kekurangan yang lain terdapat juga di daerah pendalaman, di mana kemudahan-kemudahan perhubungan tidak begitu memuaskan.

Syarat-syarat pekerjaan serta taraf hidup yang serba kekurangan di ladang-ladang mungkin menjadi salah satu dari beberapa faktor-faktor yang menyebabkan wujudnya keadaan seperti ini. Persaingan untuk mendapatkan pekerja-pekerja dari lain-lain sektor perusahaan di tahun-tahun kebelakangan ini, termasuk peluang-peluang menyertai Rancangan Tanah FELDA, FELCRA, adalah merupakan di bandar-bandar, yang bertambah dengan pesatnya, adalah merupakan tarikan yang kuat di kalangan pekerja-pekerja muda. Ini juga telah menjejaskan pertanian di luar bandar.

Berkenaan dengan syarat-syarat pekerja dan keadaan hidup di ladang-ladang, Kementerian saya telah membuat usaha-usaha yang intensif untuk memperbaikinya lagi melalui penguatkuasaan Undang-undang Buruh dengan lebih ketat lagi. Perhatian besar adalah ditumpukan kepada kemudahan perumahan yang lebih baik, bekalan air paip dan api ke rumah-rumah tersebut, lain-lain kemudahan sosial dan masyarakat di ladang-ladang. Kita juga sedang menjalankan dengan lancarnya sekim memiliki rumah bagi pekerja-pekerja ladang yang kita harap akan menjadi satu daya penarik kepada mereka untuk bekerja di ladang-ladang.

Pihak Pengurusan Ladang-ladang, terutama sekali yang menghadapi kekurangan pekerja ini, perlulah menyambut baik, langkah-langkah yang dibuat ini, untuk faedah jangka panjang mereka. Kementerian saya sedang memberi perhatian yang serius mengenai perkara ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1981

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (Hari Keenam)

DAN USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1981

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$8,477,158,169 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1981 dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1981 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 36 tahun 1980, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut." (*Hari Keenam*).

Perbahasan disambung semula.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, pada masa Dewan ini ditangguhkan pada petang semalam, Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Karang sedang berucap dan akan menyambung ucapannya pada hari ini. Sila teruskan.

3.38 ptg.

Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj (Tanjung Karang): Tuan Yang di-Pertua, semalam telah saya katakan kakitangan Kerajaan dan Kakitangan Badan-badan Berkanun telahpun diberi kenaikan gaji tetapi kakitangan Jabatan Pembangunan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) belum lagi diberi kenaikan gaji atau elaun mereka. Saya rasa sudah sampailah masanya Kerajaan mengkaji semula gaji atau elaun Jabatan ini.

Kita semua sedia maklum perkhidmatan kakitangan Jabatan ini adalah juga penting seperti kakitangan lain-lain Jabatan. Pemaju Masyarakat ini menyumbangkan tenaga untuk memimpin rakyat di kampung-kampung atau di luar-luar bandar seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Wakil dari Matang pada beberapa hari yang lepas.

Mereka memberi tunjuk ajar kepada rakyat dalam berbagai-bagai hal yang ada hubungan dengan berbagai-bagai jurusan pentadbiran dan dasar Kerajaan. Mereka bertungkus-lumus untuk menjayakan rancangan desa usaha, bertugas menjadi guru di kelas-kelas Tadika, memimpin berbagai-bagai bengkel termasuk bengkel jentera dan bengkel kraf-tangan. Penyelia KEMAS itu pula bertugas menjadi seorang pegawai tadbir yang diberi tanggungjawab untuk mengendalikan berbagai-bagai hal yang berkaitan dengan urusan yang dibuat oleh Pemaju Masyarakat tersebut. Oleh itu sudah patut benarlah gaji atau elaun mereka diberi tambahan atau kenaikan hingga sesuai dengan tugas mereka dan berpatutan pula dengan keperluan hidup hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukacita mengucapkan tahniah kepada pihak-pihak yang berkenaan kerana berjaya mempelbagai-kan siaran TV dan memperbaiki persembahan dari masa ke semasa. Walau bagaimanapun, saya suka menarik perhatian pihak-pihak yang berkenaan supaya memikirkan asas kebudayaan timur dan maruah ugama rasmi negara. Jika asas ini dapat dipegang dengan tepat dan difahami secara mendalam tentulah filem-filem yang mendedahkan babak yang kurang manis tidak berleluasa ditayangkan di kaca TV dengan sewenang-wenang pula dibiarkan oleh pihak-pihak yang lebih berkuasa dalam hal ini. Sama ada diakui ataupun tidak, tetapi perkara ini telah berlaku dan sedang berlaku. Jika tidak diambil tindakan yang sesuai perkara ini akan terus berlaku.

Sibaran am yang dibuat melalui siaran TV itu adalah sangat berkesan menjadi sebahagian daripada alat pendidikan yang didapati oleh kanak-kanak bagi mengisi sebahagian daripada keadaan alam sekeliling mereka. Oleh itu kita perlu memikirkan satu perancangan yang sesuai untuk menyediakan keadaan alam sekeliling yang akan membentuk corak hidup generasi negara kita pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan perlu menyemak dan membetulkan di mana silapnya hingga tidak terkawal perbuatan menayangkan di kaca TV filem-filem yang kurang manis tersebut pada waktu yang tidak sesuai pula. Yang sebaik-baiknya filem-filem yang hendak ditayangkan di kaca TV itu hendaklah ditapis terlebih dahulu. Walau apapun jawabnya yang diberikan dalam hujah

ini, walau bagaimana lojik pun alasan-alasan yang menyebabkan perkara ini berlaku umum telah membuat penilaian mereka masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Belanjawan 1981 ini cukup baik dan memberi faedah secara langsung kepada sebahagian besar petani-petani tetapi saya rusing apabila memikirkan harga kelapa dan koko tidak berubah. Mengikut sumber-sumber yang boleh dipercayai pasaran kelapa di peringkat antarabangsa kurang laris. Tetapi hari semalam saya terbaca satu berita di akhbar yang mengatakan kelapa di Kelantan telah diseludup ke negeri jiran hinggalah harga kelapa di negeri itu melambung naik. Ini adalah satu bukti yang menunjukkan kelapa itu ada pasaran di peringkat antarabangsa. Dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan pada masa membentangkan Belanjawan ini tidak memberikan secara khusus berhubung dengan harga kelapa dan koko. Oleh itu saya mengharapkan pihak-pihak yang berkenaan supaya memberikan daya usaha dengan segera untuk membela pekebun-pekebun kelapa dan pekebun-pekebun koko yang membolehkan harga kelapa dan harga koko dapat lebih baik daripada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah hendak menaikkan harga kelapa ini ada ikhtiar-ikhtiar yang boleh dibuat iaitu semua jenis minyak masak yang masuk dari negeri luar hendaklah disekat sama ada minyak kacang, minyak-minyak lemak binatang dan lain-lain jenis minyak masak. Apabila minyak masak dari luar negeri tidak masuk dalam negeri ini tentulah pasaran minyak kelapa dapat tempat yang baik. Badan-badan berkanun Kerajaan hendaklah berusaha mendirikan kilang-kilang minyak kelapa untuk dipasarkan di dalam negeri dan juga dieksport ke negeri-negeri yang memerlukan. Satu perkara lagi ialah perbuatan pengusaha-pengusaha kilang minyak kelapa mencampurkan minyak kelapa biasa dengan minyak kelapa sawit. Perkara ini seolah-olah pencemaran kelazatan minyak kelapa biasa yang menyebabkan orang ramai kurang suka kepada minyak kelapa biasa. Perkara ini juga perlu diselesaikan supaya pasaran minyak kelapa dapat sambutan yang baik. Dengan ikhtiar-ikhtiar ini dan juga beberapa ikhtiar-ikhtiar yang lain harga kelapa akan naik ke paras yang sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kedutaan kita di luar negeri hendaklah semuanya dilengkapi dengan pegawai-

pegawai yang bertanggungjawab dalam hal pelajar-pelajar negara kita yang ada di negara berkenaan itu. Jika pegawai ini ada disediakan dan mereka boleh menjalankan tugasnya dengan penuh tanggungjawab, pelajar-pelajar itu berada di dalam negara berkenaan termasuk dalam pengetahuan mereka tentulah masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar itu dapat diatasi dengan segera. Tetapi jika ada rakyat di negara ini menghantar anak-anaknya belajar ke negeri-negeri berkenaan dengan perbelanjaan sendiri dan tidak pula mahu menghubungi pihak Kerajaan kita di negeri itu tentulah perkara ini menjadi masalah yang susah hendak diatasi. Oleh itu saya mengesyorkan supaya Kerajaan atau mana-mana Kementerian hendaklah mengadakan pengawasan iaitu setiap seorang pelajar yang belajar di mana-mana negara asing sama ada belanja sendiri atau dengan biasiswa Kerajaan mesti ada kuasa Kerajaan kita atas peluang untuknya belajar di negara yang berkenaan itu. Jika didapati pelajar-pelajar ini bertindak di luar Rukunegara, kuasa yang ada pada Kerajaan patutlah digunakan untuk menarik balik peluang yang diberi kepadanya dan mereka mesti diperintah balik ke tanahair atau mereka itu dikenakan hukuman yang membolehkan mereka sedar serta insaf di atas kesalahan yang telah dibuatnya.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan keperluan asas untuk rakyat iaitu bekalan air dan api telah menjadi persoalan yang tidak asing lagi di kampung-kampung. Dewan yang mulia ini telah diberi tahu air minuman akan dapat dibekalkan ke semua kawasan pada tahun 2005. Saya masih ragu kerana pada hari ini Kerajaan telah banyak menyediakan sambungan paip tetapi sebahagian besar daripadanya cuma ada paip sahaja airnya tiada. Sebahagian besar daripada kawasan Tanjung Karang adalah mendapat bekalan air paip daripada sumber air Sungai Bernam. Pada masa ini air Sungai Bernam itu sangat berkurangan. Dalam jangka masa beberapa tahun sahaja air masin telah masuk ke hulu hingga 20-30 batu. Jika kita teruskan menambah beberapa buah loji untuk menyedut air Sungai Bernam itu tentulah pada tahun 2005 kelak sungai tersebut dipenuhi oleh air masin hingga ke hulunya.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sebabnya saya mencadangkan supaya satu takungan air yang moden yang sempurna hendaklah

dibuat di kawasan itu. Dengan adanya takungan air yang saya maksudkan semalam dan hari ini moga-moga kita dapat mengatasi dua masalah iaitu untuk keperluan minuman dan juga untuk keperluan pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, minyak adalah satu daripada hasil negara kita yang besar dan boleh mendatangkan pendapatan yang lumayan untuk meninggikan taraf hidup rakyat dalam negara ini. Minyak juga satu daripada bahan penting yang sangat-sangat diperlukan oleh negara kita kerana minyaklah yang menjadi nadi kepada perusahaan-perusahaan besar dan kecil, begitulah juga pentingnya lain-lain bahan yang didapati dari unsur petroleum. Rakyat telah memberi penuh kepercayaan kepada Kerajaan bagi mengendalikan bahan penting ini. Dari hari ke sehari masalah minyak dan bahan petroleum ini memainkan peranan di dalam penghidupan rakyat, bahan inilah menjadi alat untuk menerangkan di waktu malam, untuk menyekukan di waktu panas dan untuk memanaskan di waktu sejuk, hingga memasak makanan di kampung-kampung pun menggunakan bahan daripada petroleum ini. Oleh itu jika sebuah perbadanan sahaja untuk mengendalikan perkara yang begini besar mungkinlah berat sedikit kerana masalah-masalah yang timbul darinya bertambah dari hari ke sehari. Dengan hal yang demikian, pihak yang berkenaan haruslah membuat kajian. Jika didapati perlu sebuah Kementerian yang mengendalikan masalah petroleum di negara ini hendaklah diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kuala Muda.

3.48 ptg.

Tuan Mohamed Khir Johari (Kuala Muda): Tuan Speaker, di samping saya mengalu-alukan dengan penuh minat Belanjawan 1981 dan juga strategi Belanjawan yang ditujukan khasnya kepada orang kecil, saya suka membuat sedikit komen di atas beberapa perkara dasar yang saya rasa perlu difikirkan semula.

Pertama saya suka memuji Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan di atas pandangan istimewa yang diberikan terhadap

perindustrian pembinaan yang mana mengikutnya merupakan 50% daripada penanaman modal dari pihak swasta. Oleh kerana pentingnya perindustrian pembinaan itu maka Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan telah mencadangkan beberapa galakan cukai untuk melat.h pekerja-pekerja pembinaan. Langkah ini harus dipuji tetapi di s.ni saya suka mengesyorkan bahawa galakan cukai itu harus juga dipertimbangkan untuk latihan bagi pekerja-pekerja bagi semua jenis perindustrian.

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat telah menyatakan bahawa Kerajaan hanya dapat mengeluarkan sebanyak 200,000 orang pekerja-pekerja mahir dalam masa sepuluh tahun yang akan datang, jika dibandingkan dengan sebanyak 520,000 peluang pekerjaan yang akan wujud. Dalam lain perkataan baki sebanyak 320,000 orang itu hendaklah dilatih oleh pihak swasta. Sepertimana kita termaklum latihan adalah memerlukan banyak perbelanjaan. Di samping itu kita juga mengetahui bahawa tenaga rakyat yang mahir adalah kekurangan dan keadaan itu tidak mungkin dapat diperbaiki melainkan galakan cukai yang tertentu diberikan kepada pihak swasta untuk menjalankan rancangan mereka.

Adalah diakui bahawa latihan itu adalah merupakan tanggungjawab Kerajaan. Tetapi sekiranya pihak swasta dikehendaki membantu Kerajaan maka hendaklah mereka diberi galakan cukai yang ter entu dan dengan jalan itu, saya percaya tenaga rakyat terlatih dalam apa juga jurusan akan muncul, dan tenaga rakyat yang terlatih itu amatlah berguna kepada negara kerana ini adalah cara menambahkan daya usaha dan mempercepatkan proses perindustrian. Adalah diperhatikan bahawa peruntukan yang banyak akan diberikan kepada ejensi-ejensi Kerajaan untuk matlamat-matlamat yang tertentu di bawah DEB. Saya mengalu-alukan langkah itu tetapi di samping itu saya suka menyuarakan sedikit amaran. Saya minta Kerajaan menjalankan pengawasan yang ketat terhadap ejensi-ejensi yang berkenaan di peringkat Persekutuan dan juga di peringkat negeri. Kita tidak mahu melihat satu keadaan di mana ejensi-ejensi itu mengambil alih aktiviti-aktiviti ekonomi yang dianggap basic atas nama DEB dan kemudian merupakan raksaksa birokrat. Di masa yang sama kita tidak mahu ejensi-ejensi menggandakan (duplicate)

usaha-usaha mereka dengan sebab kita berkehendakkan wang rakyat diguna dengan sepenuhnya untuk perkara-perkara yang perlu di bidang-bidang yang tertentu.

Perkara yang terakhir yang saya suka hendak sentuh ialah berkenaan dengan pelajaran. Di samping memberi sokongan saya terhadap peruntukan yang dicadangkan untuk pelajaran, saya rasa perlu menyentuh sedikit berkenaan dengan Dasar Pelajaran kita. Semasa saya di Kementerian dahulu, saya cuba mengujudkan satu dasar yang menjadikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar utama di sekolah-sekolah kita. Selepas itu dasar itu telah ditukar yang menjadikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar yang tunggal di sekolah-sekolah kita.

Saya sendiri senang hati dengan dasar itu. Tetapi mestilah saya nyatakan bahawa dalam kita menekankan kepentingan Bahasa Malaysia kita tidak harus lupa satu hakikat bahawa bahasa itu ialah merupakan satu perkakas untuk kita berhubung dan mengeluarkan fikiran kita. Walaupun Bahasa Malaysia itu penting, kita tidak haruslah merugikan diri kita dengan kehilangan peluang yang ada kepada kita dengan sebab kita mengambil sikap yang sempit, atau kurang toleransi berkenaan dengan penggunaan bahasa-bahasa lain sekiranya bahasa-bahasa itu boleh menambah kemajuan, perkembangan dan kenamaan atau prestige untuk kita sekalian.

Kita tidak seharusnya melengkapkan belia-belia kita hanya untuk kegunaan dalam negara kita sahaja. Mereka harus dilengkapi dengan kebolehan yang setanding dengan orang-orang lain bukan sahaja dalam negara kita bahkan juga di luar negeri. Kita haruslah memberikan mereka kelulusan yang membolehkan mereka menggunakan ilmu pengetahuan dan juga rahsia-rahsia di lain-lain tempat di dunia ini.

Dalam dunia ini semangat nasionalisma yang sampai terutama di dalam soal bahasa tidak memberi faedah. Orang-orang Perancis dan Inggeris misalnya adalah diketahui sebagai mempunyai sikap kebanggaan mereka terhadap bahasa mereka sendiri. Tetapi hari ini jika kita pergi ke London ataupun Paris, kita dapati bahawa bahasa Arab dan bahasa

Jepun digunakan dengan begitu bebas. Ini bermakna bukanlah mereka itu mendewadewakan bahasa Arab ataupun bahasa Jepun itu tetapi mereka membuat begitu hanya dengan sebab mereka itu mempunyai secara praktikal untuk mendapat keuntungan. Begitu juga orang-orang Jepun dan orang-orang Thai.

Baru-baru ini saya mendapat peluang melawat Kuwait dan saya terperanjat kerana seperti kita tahu Kuwait ialah sebuah negara Arab dan sebuah negara yang begitu terkaya di dunia. Di samping itu kita lihat di jalan-jalanraya di papan-papan tanda dan sebagainya, saya dapati tertulis selain daripada bahasa Arab, juga bahasa Inggeris untuk mereka yang melawat ke sana.

Begitu juga saya suka melihat satu dasar yang lebih liberal dalam penggunaan bahasa-bahasa lain di negara kita. Sebagai contoh RTM kita tiap-tiap malam menyiarkan "Hari ini Dalam Sejarah", yang saya rasa sangat baik. Tetapi malangnya "Hari ini Dalam Sejarah" itu hanya disiarkan dalam Bahasa Malaysia sahaja. Saya fikir tidak salah kalau disiarkan di dalam lain-lain bahasa misalnya, di dalam bahasa Inggeris dan lain-lain, kerana orang-orang yang melawat di sini, ahli-ahli diplomat dan juga siapa yang tinggal di sini yang bukan menjadi rakyat di sini pun ingin hendak mengetahui sejarah kita di sini.

Lagi satu contoh yang baik ialah berkenaan dengan pintu-pintu masuk ke negara kita daripada Singapura dan juga daripada Thailand. Sekarang ini boleh dikatakan semua papan-papan kenyataan ditulis dalam Bahasa Malaysia sahaja. Adakah salah sekiranya kita menggunakan di samping Bahasa Malaysia, juga bahasa Inggeris dan jikalau misalnya di sempadan Siam kita menggunakan bahasa Thai.

Di negara kita ini kita menggunakan Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris untuk membuat pengumuman di lapangan-lapangan terbang antarabangsa kita untuk kesenangan pelawat-pelawat antarabangsa, tidakkah patut pada fikiran saya kita menggunakan juga di samping Bahasa Malaysia dan juga bahasa Inggeris bahasa-bahasa yang tertentu untuk pelawat-pelawat yang datang daripada luar negeri.

Untuk mengelakkan daripada salah faham apa yang saya sebutkan tadi, saya suka menekankan satu perkara. Saya ingat

sedikit sebanyak saya juga bersama-sama bertanggungjawab di atas menjadikan Bahasa Malaysia kita sebagai bahasa rasmi dan Bahasa Kebangsaan di negara kita. Saya dengan ikhlas berasa yakin bahawa penggunaan sedikit sebanyak bahasa-bahasa lain terutamanya bahasa Inggeris yang telahpun diiktiraf sebagai bahasa yang kedua di dalam negara kita ini tidak sekali-kali akan menjejaskan kedaulatan dan taraf Bahasa Malaysia yang kita telahpun maktubkan dalam Perlembagaan dan juga dalam Dasar Pelajaran kita. Di masa yang sama saya tidak mahu melihat bahawa oleh kerana dasar satu bahasa mungkin kita akan memencilkan diri kita dari dunia luar. Ini adalah merupakan satu trajedi bagi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Teluk Anson.

4.58 ptg.

Tuan Au How Cheong (Telok Anson): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memulakan ucapan saya dengan ucapan tahniah kepada kedua-dua pihak terutamanya saya ingin mengucapkan tahniah yang setinggi-tingginya kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah dikurniakan bintang kehormatan yang tertinggi dari Johor dan yang kedua, saya ingin menyampaikan tahniah juga kepada Yang Berhormat dari Kuala Muda yang telah melafazkan pandangan yang begitu liberal dan saya ucapkan tahniah.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong ucapan Belanjawan bagi tahun 1981 yang telah dilafazkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada 13hb Oktober. Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana telah menyediakan suatu belanjawan yang ditujukan untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi, membendung inflasi dan khususnya untuk memberi manfaat kepada pengusaha-pengusaha kecil.

Walau bagaimanapun, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk membuat beberapa komen mengenai belanjawan ini dan hal-hal ekonomi dan sosial dalam negara kita pada masa ini.

Seperti dinyatakan dalam Ucapan Belanjawan, suasana ekonomi dunia telah menjadi lebih rumit dari yang disangkakan. Faktor utama yang menyebabkan kelambatan pemulihan ekonomi dunia ialah krisis tenaga.

Sumber tenaga iaitu minyak menjejaskan kehidupan harian setiap rakyat dalam negara kita juga. Walaupun negara kita adalah bernasib baik kerana dirahmati dengan sumber minyak tetapi sumber itu adalah kecil dan boleh dihabiskan (exhaustable). Oleh yang demikian, adalah bijaksana bagi Kerajaan kita menasihati rakyat kita jangan membazir tenaga minyak itu.

Saya ingin mencadangkan, kita harus menjalankan kempen-kempen untuk menjimatkan kegunaan minyak. Seperti kita maklum, Amerika Syarikat adalah sebuah negara yang terkaya dalam dunia ini, sumber minyak negara itu adalah lebih besar daripada sumber alam Malaysia. Akan tetapi negara itu masih mengambil langkah-langkah tertentu untuk menjimatkan kegunaan bahan itu, langkah-langkah seperti menghadkan laju lalu-lintas, menghentikan jualan minyak sehari dalam suatu tempoh tertentu.

Adalah baik juga jika negara kita mengadakan kempen-kempen seumpama itu, sungguhpun bekalan minyak di negara kita belum lagi ada dalam keadaan yang kritikal atau berbahaya. Kita harus mengwujudkan suatu cara kehidupan atau life style di mana rakyat kita menghargai bahan mentah yang mahal itu dan menyedari betapa pentingnya tenaga itu.

Tuan Yang di-Pertua, ada disebutkan juga dalam Ucapan Belanjawan bahawa harga minyak mentah dunia telah meningkat sebanyak 791% sejak tahun 1973. Tetapi kenaikan harga itu tidak berhenti di situ. Tidak syak lagi, harga itu akan naik lagi pada masa akan datang. Ini berarti jika dunia sedang menghadapi kesulitan ekonomi, ada kemungkinan kesukaran itu akan menjadi lebih teruk lagi.

Oleh yang demikian, saya ingin membuat cadangan yang kedua di sini. Kerajaan harus mengadakan suatu Dasar Tenaga Kebangsaan Baru supaya sumber tenaga negara kita tidak bergantung atas minyak mentah sahaja, supaya kita tidak akan menjadi hamba kepada minyak. Kita harus mencari sumber tenaga lain seperti kuasa nuklear, arang batu, kuasa hydro bahkan tenaga solar. Buat masa ini, 80% elektrik kita dikeluarkan oleh minyak dan tanggungan atau dependency atas minyak harus dikurangkan, atau phase-out. Kita harus mengeksploitasikan dengan sepenuhnya kuasa hydro dalam negara kita dengan secepat mungkin.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, masalah lain yang membimbangkan kita ialah masalah inflasi. Adalah dinyatakan angkatunjuk harga pengguna dianggarkan akan meningkat sebanyak 7% bagi tahun ini. Tetapi itu adalah suatu anggaran sahaja. Ini bermakna ada kemungkinan kadar itu boleh menjadi lebih tinggi lagi.

Adalah diakui juga inflasi yang lebih tinggi itu adalah terutama sekali disebabkan oleh inflasi yang diimport. Saya berpendapat dengan kenaikan gaji pada tahun yang lalu dan subsidi-subsidi yang diberi pada tahun ini, rakyat kita akan mempunyai wang tunai yang lebih banyak. Sebaliknya, negara kita tidak mempunyai keupayaan untuk mengeluarkan barang-barang, khasnya barang-barang pengguna, yang cukup untuk menemui permintaan-permintaan rakyat kita, atau tidak boleh mengeluarkan hasil-hasil dalam kadar yang seimbang dengan kebolehan pembelian (kuasa membeli) rakyat kita. Ini dibuktikan bahawa negara kita telah dan sedang menghadapi kekurangan berbagai bahan seperti disel, gula, simen dan besi.

Ini bermaksud rakyat kita menghambat dan mengejar bahan-bahan yang terhad itu dengan wang tunai kelebihan itu. Nampaknya kita akan mengimportkan lebih banyak barang lagi walaupun kita mengakui inflasi disebabkan oleh inflasi yang diimport.

Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan bahawa :

- (1) pada tahun yang lampau, beberapa langkah cukai telah diambil untuk menggalakkan pengeluaran bagi pasaran eksport. Bagi tahun ini, Kerajaan harus memberi insentif-insentif tertentu, bahkan mengadakan undang-undang tertentu untuk menggalakkan kilang-kilang kita supaya mengeluarkan barang-barang yang mencukupi bagi pasaran dalam negeri juga.
- (2) memberi bantuan teknikal dan saintifik, mungkin melalui agensi-agensi seperti SIRIM, supaya kilang-kilang kita dapat mengeluarkan barang-barang yang lebih bermutu, atau mutu yang boleh dibanding dengan mutu antarabangsa. Ini akan menggalakkan rakyat kita supaya membeli

barang-barang buatan Malaysia. Pada masa sekarang, ramai rakyat kita masih memilih supaya membeli barang-barang yang diimport, bukan sahaja kerana kita adalah amat brand conscious, tetapi kerana barang-barang yang dibuat dalam negara kita itu mutu dan kualitinya adalah kurang baik. Ini dibuktikan tidak ada satu tali-leher yang dipakai oleh Wakil-wakil Rakyat adalah buatan Malaysia; mungkin kasut-kasut yang dipakai oleh Tuan Yang di-Pertua itu pun adalah buatan luar negeri juga.

- (3) menentukan suatu polisi di mana hasil-hasil dalam negeri harus memenuhi dan memuaskan keperluan dalam negeri dahulu, sebelum ianya dieksportkan secara besar-besaran. Misalnya, semasa kita menghadapi kesukaran untuk mendapat kayu-kayan dalam pasaran tempatan, penghasilan itu dieksportkan tanpa hadnya. Semasa kita tidak dapat membeli ikan dan udang dengan harga yang sederhana, kebanyakan tangkapan itu dihantarkan luar negeri. Kedudukan seumpama itu haruslah diperbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai salah seorang Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, saya menghadapi paksaan-paksaan ataupun constraints yang tidak membenarkan saya untuk memberitahu atau disclose keterangan-keterangan tertentu. Tetapi sesiapa yang berminat untuk membaca laporan-laporan Odit yang telah dibentangkan dalam Dewan ini, bolehlah mengetahui banyak contoh-contoh di mana apabila suatu dasar atau rancangan atau skim telah diputuskan, kita tidak ada orang-orang yang berkelayakan, tidak ada pakar-pakar tertentu tidak ada jentera-jentera yang sesuai untuk melaksanakan polisi atau skim itu dengan jayanya. Akibatnya, banyak hasrat atau idea dan fikiran yang baik itu telah menghadapi kegagalan.

Oleh yang demikian, saya merayu kepada Kerajaan supaya mengadakan penyelarasan yang lebih baik antara rancangan dan pelaksanaan bagi semua projek pada masa akan datang. Sebaliknya sahaja suatu rancangan telah diluluskan, Kerajaan harus mengetahui apakah implikasinya dan dengan secepat

mungkin, menyediakan kewangan, pegawai-pegawai, jentera-jentera yang mencukupi untuk melaksanakan projek itu.

Pada masa yang lampau, kita telah membuat berbagai kesilapan kerana tidak mempunyai orang-orang dan jentera-jentera untuk mentadbirkan skim-skim itu. Misalnya, pada tahun 1974 kita telah memutuskan supaya kita akan menerima minyak mentah dan bukan wang tunai daripada Syarikat Shell di Sarawak. Idea itu adalah amat baik tetapi bagi suatu rancangan yang begitu besar yang melibatkan berjuta-juta ringgit terdapat hanya 2 orang sahaja yang tidak berpengalaman untuk menjalankan tugas-tugas mereka. Hari ini juga, kita dapat membaca skim subsidi padi baru telah menghadapi berbagai kesulitan. Ini menunjukkan kita tidak meramalkan (foresee) kesulitan-kesulitan itu. Oleh yang demikian, adalah amat penting bagi kita mengadakan ko-ordinasi yang baik antara rancangan dan perlaksanaan untuk mencapai kejayaan.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat juga lain-lain intention ataupun hasrat yang baik yang tidak dapat dicapai kejayaan yang diinginkan oleh kerana tidak ada keterangan-keterangan yang cukup dan lengkap atau keterangan-keterangan yang boleh diketahui dengan serta-merta. Misalnya terdapat begitu ramai orang yang ingin mendapat rumah dan tanah tetapi tidak diketahui sama ada pemohon-pemohon itu ada orang-orang yang telah memiliki tanah atau rumah. Dalam hal urusan pinjaman rumah Kerajaan hanya meminta bank-bank kita supaya meneliti pada masa memberi pinjamannya tetapi bank-bank itu tidak tahu sama ada pemohon-pemohon itu ialah orang-orang yang ingin memiliki rumah bagi pertama kalinya. Dalam negara kita, kita mempunyai satu phenomenon ataupun anomali di mana terdapat orang-orang yang amat kaya yang selama-lamanya tidak mempunyai rumah atau tanah kerana mereka menjual/membeli hakmilik sepanjang kehidupan mereka.

Adalah jelas kita harus mengadakan satu pusat yang menyimpan rekod-rekod dan butir-butir jualan dan pembelian rumah-rumah dan tanah. Kita hanya boleh berbuat demikian dengan berkesan melalui komputer yang boleh merakamkan semua keterangan-keterangan yang boleh dirujuk dengan serta-merta. Memandangkan pembangunan negara dijalankan dengan amat pesatnya, saya

minta Kerajaan kita supaya mengadakan satu pusat komputer dengan sumbangan-sumbangan ke setiap negeri ataupun daerah untuk menyasat, memeriksa dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti kita. Alat moden itu boleh digunakan untuk mencapai berbagai tujuan dan menguntungkan kita.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya dalam cadangan untuk menolong pengusaha-pengusaha kecil itu, saya ingin merayu kepada Kerajaan supaya menaikkan kelepasan bagi cukai pembangunan ke satu kadar yang lebih tinggi lagi. Mengikut struktur cukai bagi orang perseorangan buat sementara ini seorang yang menerima gaji sebanyak, kata-lah \$600 sebulan atau \$7,200 setahun, dia tidak kena membayar cukai pendapatan, sebaliknya orang-orang yang menggaji diri sendiri, orang yang menjalankan perniagaan kecil harus membayar cukai pembangunan sekiranya pendapatannya melebihi daripada \$5,000 setahun. Ini adalah kurang adil bagi orang yang bekerja sendiri yang membantu Kerajaan kita supaya mengurangkan pengangguran. Kita harus mengingatkan bahawa pengusaha-pengusaha kecil itu mungkin harus membayar lesen-lesen tertentu tidak mengira berapa pendapatannya; jadi usaha mereka itu, semangat berdikari itu harus diiktirafkan. Saya sangat-sangat berharap rayuan untuk menaikkan kelepasan cukai pembangunan itu dapat dipertimbangkan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Damansara.

4.15 ptg.

Tuan V. David (Damansara): Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi kita membahaskan Belanjawan Tahunan untuk menguntukkan priority fiscal Kerajaan untuk tahun akan datang sepertimana dilakukan selama 23 tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan pada lazimnya telah cuba menyembunyikan kelemahan-kelemahan dengan mendapatkan back-banchers kerap kali memuji Kerajaan meskipun jurang di antara orang-orang berada dan tidak berada kian menjadi luas dan bukan sebaliknya dirapatkan. Sebenarnya publicity dan propaganda telah melebihi prestasi. Penderitaan penduduk-penduduk kita masih menjadi satu rahsia terbuka.

Tuan Yang di-Pertua, radio dan television yang dimiliki oleh Kerajaan selalunya telah memastikan bahawa sebaran (media) digunakan untuk mengelabukan masalah-masalah asas yang wujud dalam masyarakat kita seperti kelemahan-kelemahan dan kepincangan ekonomi dan salah pengurusan negara. Apa-apa di negara ini wujud atas budi-bicara Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri di mana Menteri yang berkenaan yang menjadi pihak yang membaharui lesen akhbar-akhbar setiap tahun dan dengan demikian memperuntukkan bahawa sekurang-kurangnya siasatan di atas akhbar-akhbar diteruskan. Kebebasan akhbar-akhbar telah disekat sehingga dia menjadi seperti *Warta Kerajaan* dan semua ini dilakukan atas nama demokrasi dan perkhidmatan kepada rakyat. Dengan berlakunya hypocrisy ini kita kadangkala dipaksa bertanya ke manakah kita sedang menuju? Menteri-menteri yang kononnya dikatakan mewakili berbagai-bagai kaum masyarakat kita telah menggunakan expediency dan telah menyara diri mereka kepada hawa nafsu parti yang memerintah. Adalah nyata beberapa orang Menteri tidak mengerti erti conscience mereka dan telah mencagarkan kepentingan rakyat jelata. Kita merasa jijik terhadap polarasi kaum yang sedang berlaku di integrasi ini. Kerajaan sebenarnya telah memecahbelahkan rakyat ke dalam compartments perkauman dengan membangkitkan perasaan emosi dari masa ke masa.

Tuan Yang di-Pertua, kriteria kaum telah digunakan dan memenuhi jawatan-jawatan serta juga dalam pengambilan pelajar-pelajar ke dalam institusi-institusi pelajaran tinggi. Rakyat kita dipecahbelahkan berasas kepada struktur perkauman meskipun perpaduan negara dilakukan dan digunakan sebagai cogan kata, namun cogan kata itu tidaklah sebenarnya dijadikan satu reality. Beberapa orang kita yang terkenal termasuk negarawan telah melahirkan rasa pandang berat mereka di atas perkara-perkara ini.

Saya ingin dengan izin mengambil peluang ini untuk memetik satu kenyataan yang dibuat oleh Tan Sri Dr Tan Chee Khoo, bekas Ahli Parlimen parti Pembangkang yang gigih dan sudahpun bersara dari politik dalam edisi majalah "Asia Week" baru-baru ini.

Petikan, dengan izin:

“When the Government formulated the New Economic Policy in 1969, they said that they would do everything for the bumiputras. So the Second Malaysia Plan of 1971-1975 only emphasised the problems of eradication of poverty, meant merely the Malay poverty. But among all the poorest in this country are the estate workers who are non-bumiputras. Slowly the Government realised that it cannot solve the problem of this country on racial lines. So it was almost unwillingly cheated. There was no talk about multi-racial projects. This is implemented at the grass-root level as a continuation altogether. But if it is not implemented, those non-bumiputras wealthy enough will leave this country and those who cannot leave and should they feel so frustrated may become attracted to the jungle as willing recruits for the insurgents.

If you really want to restructure the society, you should see three sides of faces in the Government offices, but you see only one side—the Malays. Is this how we give help to everyone in our country? The degree of polarisation is greater, particularly among the young people. The Government keeps one section of the people happy while the others are unhappy, with one section terribly frustrated. It is a far cry from creating national unity which was there when we achieved independence 23 years ago.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tolong ambil petikan pendek sahaja. Jangan terlampau panjang.

Tuan V. David: Pendek sahaja tidak banyak, Tuan Yang di-Pertua.

“And if you do not have somebody at the top saying the right things, the condition would be far worse. But at least we have the Prime Minister who is multi-racial to the Malaysian approach to problems, thus giving work to the non-bumiputras. We cannot afford to wait too long, otherwise things will grow up again.”

Kenyataan ini dibuat oleh seorang personality yang terkenal yang telah bersuara dengan lantang akan isu dalam Parlimen dan beliau setelah menyaksikan dengan sendiri polarisasi yang dilakukan oleh Kerajaan berpendapat

bahawa satu perubahan pasti diadakan. Bolehkah perubahan itu akan datang? Adakah perubahan ini akan benar-benar datang sedangkan orang-orang yang berada dipentingkan atasan dan sedang mencuba untuk menafikan hak-hak dan keistimewaan kaum-kaum tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Kerajaan telah menaikkan pangkat 155 orang pegawai Kastam. Dari jumlah ini 140 adalah orang-orang Melayu, 5 orang keturunan India dan 9 orang keturunan China dan seorang keturunan Serani. Apakah perlantikan ini mencerminkan komposisi kaum masyarakat kita, bukan sahaja dalam Jabatan Kastam bahkan hampir semua Jabatan-jabatan Kerajaan 90% hingga 95% orang-orang yang diambil bekerja terdiri dari satu kaum dan ini menafikan peluang kaum-kaum lain untuk berkhidmat dengan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, ini berlaku di hampir semua Jabatan-jabatan Kerajaan negara ini termasuk Jabatan Telekom dan Pos, Keretapi, Lembaga Letrik Negara dan semua seluruh tanahair kita. Jika keadaan ini berterusan maka apakah yang akan terjadi kepada masa depan negara kita? Dapatkah kita mencapai integrasi dan perpaduan negara yang diinginkan itu? Adalah nyata apabila kita perhatikan tindak-tanduk Kerajaan dan cara melaksanakan dasar-dasarnya adalah untuk mengasingkan berbagai-bagai kaum yang ada di negara ini. Kami desak ini tidak boleh dan tidak akan membenarkan ini berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, masanya sudah sampai bagi Kerajaan untuk memutuskan sama ada Kerajaan akan memberi kerja menurut satu sistem kuota, misal kata keturunan Melayu 44%, keturunan Cina 40%, keturunan India 16%. Jika ini tidak dilaksanakan, kaum-kaum lain akan dihapuskan dari perkhidmatan awam dan ini tentu tidak akan membantu Kerajaan atau masyarakat kita pada keseluruhannya.

Keamanan dan kemakmuran hanya boleh dicapai jika sekiranya terdapat perpaduan negara. Kita dapati Kerajaan tidak berniat untuk mengintegritkan perkhidmatan awam kita. Kaum bukan bumiputra ditolak atau driven against the wall. Kerana apa? Sebarang sebab dan dosa yang dilakukan oleh mereka? Di manakah perpaduan negara kita? Namun kita mensifatkan diri kita sebagai Malaysian. Kita tidak boleh mengadakan dua

jenis warganegara di negara kita. Warga-negara Kelas Satu dan Kelas Dua. Sesiapa yang dilahirkan dan dibesarkan serta telah menjadikan Malaysia tanahair mereka hendaklah dianggap sebagai warganegara tanpa kelas (classless citizen). Kerana apa? Mengira keturunan mereka yang pernah bercakap tentang ini dan saya akan terus bercakap tentang ini lagi dari sanubari saya.

Semua rakyat Malaysia hendaklah dianggap sebagai warganegara tanpa kelas. Kita tidak boleh mempunyai dua jenis warganegara di negara ini. Jika kita berbuat demikian maka kita akan membawa negara ini kepada kehancuran dan conflict kaum yang sudah tentu tidak baik demi kemajuan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, rasuah. Rasuah nampaknya kian menjadi-jadi di negara ini. Rasuah bermaharajalela di sektor-sektor perumahan. Kerajaan selalu menapis tangkisan palsu dari masa ke semasa. Kita membaca kenyataan akhbar-akhbar yang dibuat oleh Kerajaan dalam surat-khabar yang menyeru agar rumah-rumah berharga murah dibina, mendesak supaya pemaju-pemaju hendaklah bersifat berpatutan. Perkara pemaju-pemaju menerima wang di bawah kaunter tidaklah menjadi rahsia lagi. Jika sekiranya seorang hendak membeli sebuah rumah ia terpaksa membayar bawah kaunter (under the counter). Kerajaan memang sedar akan perbuatan-perbuatan ini tetapi apakah usaha yang diambil oleh Kerajaan untuk mencari satu solusi yang adil.

Kita tidaklah boleh bergantung semata-mata kepada kenyataan sahaja. Tindakan praktikal hendaklah diambil untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh Kerajaan. Dalam konteks hari ini tidak seorang pun yang berada di dalam IMG yang boleh dikatakan mereka yang bekerja dengan gaji yang rendah yang mampu membeli sebuah rumah kerana harga-harga rumah adalah melebihi \$100,000 dan terus meningkat dari hari ke hari.

Kerajaan tidak jujur di dalam mengambil langkah-langkah untuk membenters rasuah yang melibatkan pegawai-pegawai awam yang terlibat dalam skim-skim perumahan. Mereka tidak berkhidmat dan mengambil berat tentang kebajikan masyarakat. Mereka hanya

berminat untuk mendapat kekayaan masing-masing dengan seberapa cepat yang boleh. Orang-orang ini memegang jawatan tinggi dalam perkhidmatan Kerajaan mampu membeli harta-benda bernilai berjuta-juta ringgit dan saya tidak tahu apakah yang sedang dibuat oleh pihak BSN mengenai perkara ini. Apakah pihak BSN tidak mengawasi mereka ini yang mencari kekayaan at the expense of rakyat yang miskin. Ada juga bukit-bukit dalam Wilayah Persekutuan atau Bandaraya Kuala Lumpur didirikan rumah-rumah berharga mahal, bukan setakat \$100,000 atau \$200,000 tetapi rumah itu berharga berjuta-juta ringgit. Macam mana pegawai Kerajaan boleh dapat rumah-rumah itu, gaji dia tidak sampai \$10,000 sebulan? Kami mencadangkan supaya sebuah Lembaga Perumahan ditubuhkan yang mana Lembaga tersebut hendaklah dianggotai daripada berbagai sektor seperti pegawai-pegawai Kerajaan, pengguna-pengguna, pengusaha-pengusaha dan pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja supaya menjadikan Lembaga tersebut lebih bermakna dan berkesan untuk memastikan di antara lain bahawa rumah-rumah boleh dibeli dengan harga yang berpatutan. Marilah kita lihat keadaan di Singapura, negara tersebut boleh menghapuskan rasuah dan memperuntukkan rumah untuk rakyat tanpa mengira kedudukan sosial mereka.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya sudah mendengar ucapan Yang Berhormat itu, saya dapati banyak sangkaan-sangkaan jahat iaitu menuduh secara umum, orang itu korapsi, orang itu bertindak with their back to the wall. Jadi dalam Peraturan Mesyuarat 36 (6) kita tak boleh benarkan seseorang Ahli Yang Berhormat itu mengeluarkan sangkaan-sangkaan jahat. Jadi, saya harap tolong beri ucapan yang tidak melanggar peraturan. Itu sahaja.

Tuan V. David: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Budget ini bersangkutan semua aktiviti Kerajaan di seluruh tanahair kita, sebab ini rancangan, polisi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, pertama sekali Ahli Yang Berhormat membaca ucapan dan saya tahu Ahli Yang Berhormat tidak berapa fasih dalam Bahasa Malaysia, sebab itu saya beri kelonggaran, buatlah ucapan. Tetapi jika Ahli Yang Berhormat teruskan sangkaan

jahat itu nanti tak sedap, terpaksa saya kenakan Peraturan 36 (6) ini. Kalau begitu, kalau hendak sebut, sebutlah perkara itu secara umum atau general sahaja.

Tuan V. David: Saya ada baca akhbar minggu lepas ataupun bulan lepas, sejak beberapa minggu ini iaitu jurucakap-jurucakap Kerajaan termasuk Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah mengutarakan betapa perlunya kita mengimport pekerja-pekerja dari negara jiran atau boleh dikatakan membawa pekerja luar daripada Malaysia. Kita menentang pengambilan pekerja-pekerja dari negara lain untuk bekerja di sini, sedangkan pekerja kita sendiri telah meninggalkan negara ini untuk mencari pekerjaan di Singapura dan juga di negara-negara Arab. Apakah sebabnya kita mencari pekerja-pekerja dari negara yang lain sedangkan negara kita mempunyai tenaga buruh yang cukup?

Tuan Yang di-Pertua, keadaan di ladang-ladang adalah sama seperti 50 tahun dahulu, kemudahan di ladang-ladang masih kurang, keadaan itu tidaklah setimpal dengan pembangunan dan kemajuan negara kita. Jika sekiranya keadaan di ladang-ladang diperbaiki dengan adanya kemudahan-kemudahan seperti perumahan, rekreasi dan keadaan yang sempurna serta juga pekerja ladang diberi gaji yang berpatutan, saya percaya beribu-ribu pemuda-pemudi tidak akan meninggalkan ladang-ladang untuk bekerja ke bandar untuk mencari pekerjaan.

Tuan punya ladang-ladang di negara ini hendaklah menganggap pekerja-pekerja ladang kita sebagai rakyat Malaysia dan tidaklah sepatutnya melayani mereka sebagai indigent labour sebagaimana buruh-buruh yang sampai ke negara kita 50 tahun dahulu. Tidaklah berguna bagi kita mengimport pekerja-pekerja kerana ini adalah membahayakan. Saya merasa hairan bagaimana beribu-ribu rakyat Indonesia dapat masuk ke negeri Johor, kebanyakan pendatang haram yang datang ke sini dikeluarkan dokumen-dokumen oleh pihak Imigeresen, kita pun tidak tahu macam mana Pejabat Imigeresen beri dokumen-dokumen itu. Setahu saya Undang-undang Imigeresen kita masih belum dipinda akan tetapi saya faham kuasa-kuasa tertentu terletak dalam tangan pihak Imigeresen secara langsung atau tidak langsung, sedar atau tidak dan dengan kuasa-kuasa itu pihak Imigeresen telah mengeluarkan satu

dokumen berwarna kuning kepada pendatang-pendatang haram tersebut. Jika demikian, apakah Kerajaan sedia membenarkan orang-orang lain yang ingin datang dan bekerja di Malaysia, jika tidak, mengapa?

Kita tidaklah boleh mengadakan satu set undang-undang untuk orang-orang Indonesia dan satu set lagi undang-undang untuk orang lain. Jika kita membenarkan pekerja imigrant datang bekerja di sini ia akan hanya mewujudkan masalah-masalah lain dan Kerajaan hendaklah insaf bahawa ini akan membawa bahaya kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita di sebelah sini tidak dapat menerima kenyataan negara kita menghadapi kekurangan pekerja. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hendaklah menyiasat kedudukan perkara ini. Saya pasti jumlahnya lebih kurang 100,000, saya tidak mahu siasat perkara ini, Kerajaan mestilah siasat. Kaum pendatang Indonesia tidak masuk ke Malaysia negara kita. Macam mana beliau benarkan keadaan ini sedangkan tidak ada perubahan dalam Undang-undang Imigeresen kita. Bukan sahaja mereka datang bekerja dalam ladang-ladang kita tetapi ada juga yang bekerja di bandar. Saya dapat tahu sekarang mereka masuk rumah mencuri ataupun dia tarik rantai wanita-wanita. Semua orang-orang ini daripada luar negeri datang ke sini, tetapi mereka duduk macam lain-lain orang warganegara.

Menteri berkenaan adalah bertanggungjawab untuk memberikan jawapan kepada Dewan ini dan saya minta beliau memberikan satu penjelasan yang kategorikal tentang jumlah orang Indonesia yang ada di negara ini yang bekerja di merata tempat dan menikmati keistimewaan mempunyai dokumen-dokumen yang dikeluarkan kepada mereka dengan serta-merta. Menteri yang berkenaan tentu tidak boleh mendiamkan perkara ini sungguh ketara kerana semua orang tahu akan hal ini.

Kami dari Parti Pembangkang minta satu penjelasan dan saya juga ingin bertanya sama ada pekerja-pekerja haram daripada Indonesia dibenarkan masuk ke Malaysia kerana sebab-sebab politik ataupun kerana lain-lain sebab. Nampaknya tiap-tiap kali kita dengar terdapat orang yang bekerja sebagai pekerja kontrek dari Indonesia, bukan kita bangkang kepada negara Indonesia, tetapi kita cukup pekerja di sini.

Jadi kita mahu tahu mengapa? Adakah telah ditukarkan Undang-undang Imigresen, saya tidak sedar, barangkali ada ditukar dan perkara ini tidak sampai ke Parlimen.

Dua tiga minggu dahulu kita ada baca dalam suratkhbar mengenai satu kilang (factory) elektronik di Bayan Lepas, Pulau Pinang telah mogok dan biasanya kata Kerajaan, kalau ada Kesatuan, mereka mogok, tetapi di tempat itu tidak ada Kesatuan. Buruh-buruh ini mogok, tetapi saya tidak mahu campurkan yang merit atau yang demerit dalam perkara kilang ini. Saya nampak Kerajaan sampai sekarang tidak tahu siapa yang menjadi ketua atau leader di dalam mogok itu.

Kilang elektronik ini adalah satu kilang yang mempunyai hampir 100 orang pekerja di seluruh tanahair, dan kilang-kilang ini terdapat seperti di Pulau Pinang, Selangor, negeri Melaka dan semua tempat Kementerian Buruh atau Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat tidak mahu daftarkan satu Kesatuan, dia kata majikan-majikan nanti lari, kalau ditubuhkan Kesatuan, ia akan menarik modalnya. Nampaknya majikan paksa Kerajaan kita supaya kita tidak tubuhkan Kesatuan. Kalau ada Kesatuan, kita boleh minta ataupun kita boleh beritahu kepada Pengerusi, Setiausaha untuk bertanya macam mana perkara ini dan mengapa berlaku mogok. Tetapi sekarang Kerajaan tidak tahu siapa instrument ataupun ketua yang mengepalai mogok itu. Ini salah Kerajaan. Kalau Kerajaan beri kebenaran untuk daftar Kesatuan itu, saya percaya ini adalah satu badan yang responsible kepada masyarakat kita.

Saya minta Kerajaan memberitahu mengapa 10 tahun sampai sekarang kita tidak ada daftarkan Kesatuan kerana terdapat lebih kurang 100 pekerja di negeri ini yang mempunyai sebab-sebab tertentu dan mengapa mereka harus diorganisasikan. Saya tidak suka dan rakan-rakan saya tidak suka untuk membawa perkara ini ke forum-forum antarabangsa atau lain-lain negeri. Saya mahu perkara ini diselesaikan dalam negara ini, tetapi Kerajaan tidak mahu selesaikan, jadi terpaksa kita membawa ke forum-forum lain seperti ILO atau badan-badan lain. Saya minta Kerajaan supaya memikirkan perkara ini.

Lagi satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, ialah berkenaan soal bumiputra dan bukan bumiputra. Saya tidak berapa faham akan

masalah ini, sebab di dalam dictionary ada menerangkan, jika orang yang dilahirkan di tanah bumi ini atau kata orang Putih "sons of the soil", kalau dilahirkan di sini, ia bumiputra, jadi saya percaya saya juga bumiputra dan saya tidak mahu mendengar siapa-siapa punya cerita. Walaupun parti pemerintah boleh mengatakan saya bukan bumiputra, tetapi saya adalah bumiputra, kerana saya dilahirkan di sini, saya tinggal di sini, saya belajar di sini, saya mesti menetap di negeri ini, dan mati di sini juga. Sebab itu saya mesti boleh menjadi bumiputra

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya dengar tadi, pertama sekali Yang Berhormat menyentuh berkenaan dengan dasar buruh, kemudian hal kewarganegaraan. Tetapi kita bincangkan di sini ialah soal Perbelanjaan, selagi dasar-dasar yang Yang Berhormat hendak sebutkan itu ada kaitan dengan Perbelanjaan ini, Belanjawan ini, saya tidak tegurlah, tetapi kalau terlampau sangat cerita mengenai dasar kewarganegaraan, dasar buruh, tidak dikaitkan dengan Belanjawan, itu sudah sedikit menyeleweng. Jadi saya harap Yang Berhormat tolong sedikit tumpukan kepada soal dasar yang kita bincangkan di sini, iaitu soal Perbelanjaan dan Belanjawan negara.

Tuan V. David: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak mahu bercakap banyak atas perkara ini, sebab saya berkehendakan satu classification dalam Dewan ini, kerana saya percaya saya adalah bumiputra juga. Sebab itu kita mahu menjaga negara kita, kalau ada berlaku sesuatu peperangan atau negara-negara lain hendak attack negara kita, kita mesti lawan. Jadi kita mahu memegang senapang dan kita mesti mempertahankannya, oleh sebab itu saya juga terlibat.

Berkenaan dengan perkara bumiputra atau bukan bumiputra boleh jadi tidak berpolarisasi, tidak nampak satu perpaduan dalam negara kita. Jadi kita harus memastikan conscience kita atau fikiran kita, adakah betul kalau kita cerita begini. Kita campurkan semua orang sekali di dalam perkhidmatan Kerajaan (administration), kita mahu semua orang duduk di dalamnya, kita tidak mahu dikira kepada satu-satu bangsa sahaja. Kalau Jabatan Perdana Menteri, Perdana Menteri mahu kakitangannya hanya warganegara kita Malaysia sahaja iaitu siapa yang dilahirkan di dalam negeri ini. Yang saya

tahu saya juga dilahirkan di negara ini, tetapi saya tidak tahu sama ada ibu dan bapa saya datang dari lain-lain negeri atau barangkali ibu dan bapa saya bawa saya ke mari ataupun mereka datang ke sini dan saya dilahirkan di sini, bukan mereka bawa saya. Oleh sebab itu saya selalu kata di mana-mana negara, saya adalah bumiputra juga.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: (Bangun)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak beri peluang?

Tuan V. David: Ya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan apa yang hendak ditanya?

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Saya hendak bertanya wakil daripada Damansara, dia kata, dia tidak tahu ibu-bapanya sama ada dari sini atau dari mana—dia tidak tahu. Jadi saya ingin tahu, adakah ayah dan datuknya itu berasal daripada Malaysia atau daripada negeri mana?

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, saya baharu tahu dia tak tahu dia punya bapa dan emaknya. Saya punya bapa dan emak, saya seorang yang tahu. Kalau

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dalam Dewan ini tolong gunakan bahasa

Tuan V. David: Tetapi dia punya soal macam ini

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dia punya soal baik. Dia minta terangkan sahaja. Yang Berhormat jangan terlampau emosi.

Tuan V. David: Baik, terima kasih. Emak dan bapa saya barangkali datang daripada lain negeri, tinggal di sini, tetapi saya dilahirkan di sini, di tanahair ini.

Saya minta seperti dahulu sewaktu Kabinet Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj dan Ahli dari Kuala Muda, sekarang ini masih ada, tetapi dia sudah keluar dari Kabinet, dia ada mencadangkan bagi orang-orang keturunan Melayu diberi peruntukan 44%, orang-orang keturunan Cina diberi 40% dan orang-orang keturunan

India diberi 16%, di mana-mana perkhidmatan Kerajaan sekiranya hendak mengambil kakitangan (recruitment) diberi satu quota system. Saya percaya Kerajaan bolehlah ingat perkara ini dan saya tidak mahu bercakap banyak dalam perkara itu.

Lagi satu perkara iaitu apabila kita baca Budget ini, ramai orang mengatakan EPF kita telah dinaikkan (Kumpulanwang Simpanan Pekerja) dan macam-macam lagi. Tetapi setelah saya baca dan saya tengok, adakah kita yang menetapkan atau memegang harga barang-barang seperti barang-barang makanan, saya tidak mahu sebut pakaian-pakaian lain, Brandy atau Beer—lain. Tetapi basic concept, orang miskin punya budget dan harga barang ini hendaklah ditetapkan dan dipegang dengan kuat, mestilah dikontrol harganya seperti harga gula, harga gula sudah naik dan Kerajaan sokong kenaikan harga gula.

Dahulu rakyat di Kelantan semasa PAS memerintah dapat gula, tetapi sekarang di bawah Kerajaan Barisan Nasional tidak dapat gula. Yang pegang gula di negeri kita ialah adik-beradik, Kuok Brothers yang ada pangkat Tan Sri. Orang-orang macam ini yang pegang gula kita, bila dia mahu keluarkan gula, dia keluarkan, macam dia pegang nyawa kita. Bila dia tidak mahu keluarkan gula daripada gudang, semua tidak ada gula. Macam mana Kerajaan boleh jawab, kenapa orang ini semua tidak beri keterangan, Anti Korapsi Agensi atau BSN mestilah ambil tindakan, siasat siapa yang control gula di negara kita. Saya tahu bukan Kerajaan yang control gula tetapi dua orang itu yang control gula negara kita.

Saya nampak dalam Budget ini, harga barang-barang keperluan harian tidak ada dicontrol. Boleh dikatakan ini bukan Budget untuk orang miskin. Ramai orang mengatakan PAS buat itu dan ini tetapi semasa pemerintahan PAS banyak gula di negeri Kelantan, tidak seorang pun mengatakan tidak ada gula. Saya minta kepada Kerajaan janganlah beri kapitalis di negara kita seperti dua orang itu pegang nyawa berjuta-juta rakyat.

Kerajaan ada mengatakan untuk menubuhkan Task Force bagi memeriksa harga barang-barang. Kita ada baca dalam surat-khabar mengenai Task Force ini. Apabila Task Force ini pergi memeriksa, harga makin naik, sebab orang yang menjual atau

siapa-siapa yang ada modal, buka kedai runcit; bila orang pergi periksa (check) dia mesti bayar wang bawah meja, jadi harga itu terpaksa dinaikkan. Barang yang berharga 10 sen jadi 20 sen, sebab dia kena bayar wang kepada pegawai-pegawai yang datang periksa. Saya ingat harga boleh kurang kalau kita tidak ada Task Force itu.

Adakah bila Kerajaan adakan satu harga yang tetap supaya diikuti, tetapi seluruh tanahair kita tidak ada ikut, sebab semua orang tahu apa yang Kerajaan bawa dia boleh selalu cari jalan taruh apa-apa dia mahu atas tangannya, apa dia suka, dia boleh beri. Dia tidak boleh sampai ke mahkamah untuk dibicarakan. Itulah kesudahan kita di dalam negeri ini.

Saya minta, Tuan Yang di-Pertua, di dalam Budget Kerajaan hendaklah control harga. Yang Berhormat Menteri Kewangan ada mencadangkan pada tahun lepas, saya ada baca, itu adalah baik iaitu dia mengatakan kita mesti ada satu Price Control Board, suatu badan yang boleh control harga. Barangkali rakan-rakannya tidak menerima cadangan itu, sebab ramai Menteri-menteri dalam Kabinet pun ada campur berniaga, itu susah. Tetapi kalau ada Price Control Board, harga ini boleh dikawal. Kalau sesiapa yang tidak menerima atau tidak mengikut arahan ini, boleh terus pergi ke balai, buat laporan dan diambil tindakan atas perkara itu. Oleh itu, saya minta supaya diadakan Price Control Board itu.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Sekarang ini ada banyak bahagian dalam Dewan Bandaraya. Kalau mahu bersihkan longkang, ada satu bahagian; untuk membuang kekotoran di longkang itu, ada satu bahagian; jaga jalan, ada satu bahagian; kalau septic tank dalam rumah pecah pun ada satu bahagian lain.

Dahulu saya ingat hendak bawa satu usul tidak percaya, tetapi saya nampak Menteri baru sudah dilantik untuk menjaga Wilayah Persekutuan, jadi saya tidak mahu bawa, sebab mahu beri dia chance menjalankan kerja-kerjanya. Tangki-tangki di Wilayah Persekutuan, Dewan Bandaraya tidak ada bergerak. Bila telefon, dikatakan pegawai bermesyuarat—tiap-tiap hari ada mesyuarat, tetapi sebenarnya duduk di sana bercerita, minum teh—habis. Tetapi bila Field Officer tengok mana-mana kampung didapati nyamuk, tidak bersihkan tempat itu, dia tidak ada jaga.

Saya nampak dalam kawasan saya longkang di sana ada sungai, air daripada sungai masuk bukan keluar. Bila kita lapor (report) kepada Dewan Bandaraya, Dewan Bandaraya tidak mahu selesaikan perkara ini dengan cepat. Satu contoh, kalau satu pokok jatuh di atas rumah; kalau kita telefon 2-3 hari, hendak cari bahagian itu sekurang-kurangnya 3 hari; hendak contact pegawai itu 3 hari—sebab tiap-tiap hari mesyuarat, banyak mesyuarat sekarang. Sampai 6-7 hari tidak boleh dapat orang itu. Bila sudah dapat, dia kata ini bukan kuasanya, ini bahagian lain, tolak sana, tolak sini. Sampai hari ini tidak boleh selesai, orang rumah itu sendiri kena cari jalan bagaimana dia boleh potong pokok itu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ucapan Yang Berhormat itu sudah masuk dalam perkara yang lebih mendalam, patut dicakapkan dalam peringkat Jawatankuasa. Sekarang ini kita membahaskan dalam soal dasar (policy), jadi detail itu kemudian.

Tuan V. David: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan tolonglah selesaikan perkara ini. Kalau ada seorang Datuk Bandar atau Ahli-ahli Majlis Bandaraya yang dipilih oleh rakyat, dia boleh jawab kepada rakyat, tetapi sekarang tidak ada. Saya percaya kita boleh menukar rancangan (policy) kita bagi menggerakkan Dewan Bandaraya, sebab orang luar datang ke Kuala Lumpur, mereka bukan terus tengok Kelang atau lain-lain tempat, tetapi mereka tengok Kuala Lumpur yang mana bangunannya sahaja besar tetapi tidak bersih. Ini kita mesti jaga.

Tuan Yang di-Pertua, saya nampak ada berjuta-juta ringgit diuntukkan untuk pelajaran. Kerajaan tidak menyediakan satu sistem pelajaran, tetapi adalah menghairankan bilangan orang-orang yang memegang jawatan kanan menghantar anak-anak mereka ke luar negeri untuk mendapat pendidikan. Ini jelas menunjukkan bahawa Menteri-menteri tidak mempunyai Dasar Pelajaran kita di Malaysia. Adalah nyata bahawa apa yang dikatakan tidak baik untuk Menteri-menteri juga adalah tidak baik untuk keseluruhan rakyat.

Satu perubahan dalam sistem pelajaran perlu diadakan bagi kepentingan rakyat. Pelajaran bahasa ibunda adalah perlu dan

mustahak. Sekolah Rendah Tamil dalam Malaysia, itu tidak boleh cakap, kadang-kadang ataupun tidak ada. Kalau adapun bocor bila hujan tidak boleh belajar. Tetapi ketua-ketua besar ada dalam Kerajaan. Sekarang kita nampak guru-guru besar di sekolah-sekolah Tamil ramai yang mencampuri politik. Dia pun main politik dalam kehidupan pelajaran kanak-kanak kita.

Saya minta Kementerian Pelajaran tolonglah pandang sekolah-sekolah Tamil, bukan sahaja dalam bandar tetapi di seluruh tanah-air kita, terutamanya di ladang-ladang yang boleh dikatakan ladang-ladang ini dahulu ada juga majikan-majikan yang bukan warganegara kita, dia datang dari England atau lain-lain tempat, bila dia sudah dapat modal dan untung dia lari, tetapi sekarang boleh dikatakan 50% lebih majikan-majikan ladang itu adalah warganegara tanahair kita. Orang ini hendaklah diberi perhatian sedikit dan mesti ditukar sistemnya, beri bangunan-bangunan yang sempurna. Inspektor-inspektor Pelajaran hendaklah selalu check guru-guru dan guru besar sebab kalau misalnya sebuah sekolah di Kapar, Kelang atau Banting tiap-tiap hari guru besar datang ke Kuala Lumpur berniaga insuran, dia bukan jaga sekolah. Ini semua kita hendaklah jaga sedikit.

Lagi satu perkara, kita sekarang ada Balai Polis tetapi ramai orang tidak mahu pergi ke Balai Polis.

Bila saya bertanya: apa fasal tidak mahu pergi balai? Dia kata, apa guna. Kalau saya beri laporan kepada polis, dia perli saya, paksa saya; lebih baik saya jangan beri repot ini. Kalau saya hilang barang \$1,000 lebih baik saya lepaskan sahaja barang itu. Kerajaan dulu ada bawa satu simbol, dia kata rakyat dengan polis mahu pegang tangan (shake hands), ada juga badgenya. Tetapi sekarang tidak seperti dulu, jika ada pembunuhan pun orang tidak hendak memberi tahu kepada Kerajaan. Dia kata kalau dia beritahu nanti dia paksa saya. Kita tidak ada repot itu.

Kita membelanjakan beribu-ribu ringgit dalam budget kita untuk perkara ini, tetapi tidak guna sebab rakyat tidak mahu bekerjasama dengan polis. Polis mestilah menukar fikiran mereka untuk menolong rakyat, dia seperti bapa. Di kawasan-kawasan ada juga orang kuat dan ada yang tidak kuat. Kalau orang tidak kuat dia mesti cari polis minta

tolong, polis mestilah memberi pertolongan seperti seorang bapa, kalau anak dia kuat dipukul kalau tidak kuat dia mesti jaga. Tetapi ini tidak. Kita berbelanja beribu-ribu ringgit buka seminar sana seminar sini, sini dengar sana habis seminar itu. Kalau masuk ke Police Station kita mesti duduk dan faham pegawai-pegawai itu atau siapa-siapa mengikut rank and file. Mata-mata itu bertanya kepada kita, mahu bekerjasama. Kalau macam itu rakyat bila ada hal dia mesti cari polis. Tetapi sekarang saya dapati dia tidak mahu cari polis, dia suka selesai sendiri. Umpamanya kalau orang datang kepadanya minta sedikit wang (extortion), dia bayar, dia tidak mahu repot. Sebab apa, bila telefon polis akan bertanya: mana duduk, betulkah tidak, sudah tangkapakah orang itu? Selepas orang itu lari baru dia datang, gertak, macam-macam dia soal, mana orang itu—tidak boleh jawab.

Saya minta Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mencari satu jalan memberi arahan supaya mengadakan disiplin. Saya nampak tiada disiplin dalam masyarakat kita. Saya nampak Inspector General of Police sangat baik, saya selalu lihat arahnya di dalam suratkhbar tetapi ini tidak sampai kepada orang di bawah. Saya minta Menteri yang berkenaan mengambil tindakan bukan sahaja memberi kenyataan dalam suratkhbar tetapi mengambil tindakan segera supaya orang di bawah boleh ikut.

Semalam saya ada membawa soalan berkenaan dengan Imigeresen. Ada orang bertanya apa fasal saya bawa soal ini kerana saya tidak ada proof. Sekarang ini Pejabat Imigeresen ada dua bahagian di dalam Wilayah Persekutuan. Satu di tempat lama di mana kita memohon pasport antarabangsa dan satu bahagian di Wisma Pahlawan kalau kita hendak mengambil pasport Singapura. Di Wisma Pahlawan saya dapati kalau kita memohon dalam setengah jam kita boleh dapat pasport itu. Ini ada sistem. Di tempat lama, pasport antarabangsa, pegawai tiada duduk di tempatnya. Saya sendiri ada melihat seorang pegawai minum air kemudian dia lari. Maka saya tanyakan siapa dia, mereka mengatakan mereka tidak boleh buat apa-apa sebab dia penghisap dadah, dia mesti selalu minum air. Tunggu di sana sampai 2 jam 3 jam. Tidak guna Director General duduk dalam bilik dan selalu pergi mesyuarat. Dia mesti melihat keadaan pejabat ini. Kalau Pejabat Imigeresen ini hendak dibuat satu contoh kita mestilah melantik seorang

pegawai seperti Encik Hassan Ibrahim, dahulu di Road Transport Department. Saya puji dia sebab dia sentiasa bergerak sahaja. Di sini saya nampak orang menunggu dari pagi sampai petang, tiada orang akan bertanya apa mahu, mereka hanya pergi sana pergi sini kemudian minum kopi dan pergi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya telah beberapa kali cakap, Yang Berhormat tumpukan kepada dasar, terlampau banyak soal sebut nama itu nama ini.

Tuan V. David: Baiklah, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak banyak lagi bercakap. Saya minta Yang Berhormat Menteri berkenaan ambil tindakan. Fasal apa, orang dari luar negeri datang ke sini mesti pergi ke pejabat Imigresen untuk mendapat pasport antarabangsa, cop atau lain-lain. Jika dia nampak macam ini tentu imej kita tidak baik.

Lagi satu saya dapat tahu semua Ahli-ahli Dewan Rakyat Barisan Nasional mendapat \$100,000. Saya sudah dekat dua tahun dan bila saya tanya soal ini dahulu Menteri Kewangan kata semua orang dapat tetapi mesti memohon dengan Pejabat Perdana Menteri. Saya telah memohon sejak dahulu, sekarang tahun 1980, tidak dapat jawapan dan bila hantar satu soalan, saya baru mendapat jawapan yang dia telah memberi bahagian lain untuk menyasat perkara ini. Barangkali Pejabat Perdana Menteri mesti dikuatkan sedikit, mungkin ada kakitangan yang menjaga surat-surat itu tidak boleh jawab. Kalau Pejabat Perdana Menteri tidak menjawab surat macam mana Menteri-menteri mahu menjawab surat? Saya tidak mahu cakap ini sebab saya hormat kepada Perdana Menteri tetapi pejabatnya kena tukar sedikit. Saya rakyat Malaysia, bukan dikatakan MP tetapi saya rakyat Malaysia kalau menulis satu-satu surat kepada mana-mana pejabat saya mesti mahukan satu jawapan. Kalau tidak, saya mesti suarakan perkara ini sebab rakyat membayar cukai untuk gaji pegawai-pegawai yang bekerja di sana.

Lagi satu saya minta \$100,000 itu MP Barisan Nasional beri cek sana, cek sini. Pegawai Daerah pun ikut. Sekarang kakitangan sama Pegawai Daerah itu mereka ingat dari Barisan Nasional. Dia tidak boleh faham mereka dari bahagian mana, bahagian Kerajaan lain, bahagian kakitangan Kerajaan lain. Siapa yang pegang pemerintahan dia jadi pegawai juga. Ini mesti ditukar.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai Embassy di luar negeri. Kita banyak belanja, beri macam-macam faedah untuk pegawai-pegawai itu pergi ke luar negeri. Malu kita melihat pegawai kita di Konsul sana. Mereka tidak faham apa berlaku di negeri itu. Saya menyokong Ahli Yang Berhormat dari Kuala Muda menyuruh supaya belajar semua bahasa. Kalau kita mahu compete dengan lain-lain negeri kita mesti belajar semua bahasa, German, French semua mesti belajar. Tetapi kita tidak, mereka pergi ke sana berniaga. Kita boleh tahu dari surat-khabar mereka berniaga

Tuan Hussein bin Mahmood: (*Bangun*)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak beri jalan?

Tuan V. David: Ya.

Tuan Hussein bin Mahmood: Dengan izin, mengikut Peraturan Mesyuarat 37 (*b*), saya minta penjelasan sedikit. Adakah bila Yang Berhormat itu sebut mengenai pegawai-pegawai kita di Kedutaan luar negeri berniaga, apakah beliau bermaksud kesemua pegawai-pegawai di Kedutaan kita di luar negeri berniaga?

Tuan V. David: Ini saya senang jawab kalau kita complaint orang berniaga, tiada jawab, macam itu Kerajaan sokong semua orang berniaga. Kalau ambil tindakan ke atas seseorang seperti Syarikat Minyak Esso kalau diambil tindakan kita tidak bangkang, kita sokong

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat soalan itu senang sahaja, adakah semua orang berniaga atau seorang dua sahaja?

Tuan V. David: Soalan itu boleh saya jawab. Bukan saya kata semua orang macam itu, ada separuh tetapi bila ada complaint macam itu mesti jaga. Saya nampak dalam Budget ini kita ada minta 18% wang kumpulan majikan membayar tetapi dapat 11% sahaja. Saya minta Menteri Kewangan menimbangankan perkara ini dan dalam Budget tahun hadapan boleh ditukarkan. Saya boleh katakan Budget ini bukan untuk orang miskin tetapi menjaga kepentingan orang kaya. Kalau untuk orang miskin yang mustahak ialah mengontrol harga. Itu sahaja, terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Rantau Panjang.

5.10 ptg.

Tuan Ibrahim bin Muhammad (Rantau Panjang): Tuan Yang di-Pertua, saya ikut serta di dalam menyokong Rang Undang-undang Belanjawan 1981 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Menteri Kewangan pada hari Jumaat 17hb Oktober, 1980 baru-baru ini.

Saya mahu menyentuh beberapa perkara di dalam menyokong Belanjawan ini. Sebagai wakil rakyat daripada luar bandar pengumuman-pengumuman yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan melalui Belanjawan 1981 adalah satu rahmat yang besar dan sangat-sangat dialu-alukan oleh rakyat terutama rakyat daripada golongan miskin sama ada di dalam bandar apatah lagi daripada luar bandar.

Saya menyokong pengumuman Kerajaan menaikkan kupon harga padi daripada \$2.00 ke \$10.00. Dalam pada itu saya ingin menarik perhatian pihak Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bahawa setakat yang saya tahu di Kelantan tidak terdapat pihak Lembaga Padi dan Beras Negara membeli padi terus daripada petani-petani hanya yang saya tahu LPN membeli padi daripada pemborong-pemborong atau pelesen-pelesen sahaja dan pemboronglah yang menjadi orang tengah. Oleh itu pada masa ini menjadi isu di Kelantan kerana dikhuatiri kupon-kupon yang dinaikkan daripada \$2.00 ke \$10.00 terutama dibayar balik mulai pada 16hb Julai, 1980 akan menguntungkan beberapa pemborong-pemborong sahaja padahal sepatutnya bayaran ini sampai kepada petani-petani. Umpamanya untuk membeli buku-buku pelajaran anak-anak, pakaian sekolah dan lain-lain perbelanjaan hanya menjual padi sedikit-sedikit sahaja, dan orang yang selalu membeli daripada mereka ialah orang-orang tengah. Saya merayu supaya pihak Kementerian Perusahaan Awam melalui LPN melantik ejen-ejen pembeli padi di kampung-kampung dan jangan membenarkan orang-orang tengah mengambil untung yang banyak daripada petani-petani.

Saya juga hendak menyentuh tentang ugama. Saya merayu pihak-pihak yang berkuasa berkaitan dengan ugama Islam hendaklah mengambil tindakan terhadap orang-orang yang tidak bertanggungjawab tentang

ugama. Mereka ini selalu melaung-laungkan perkara-perkara yang bukan-bukan yang jelas bertentangan dengan ajaran ugama Islam yang maha suci di Kelantan. Misalnya, pada hari ini sudah timbul semula orang-orang Islam yang mengkafirkan orang-orang Islam daripada golongan lain, dikatakan tidak sah sebagai imam sembahyang dan tidak sah untuk menyembelih binatang-binatang untuk makanan orang Islam. Saya sekali lagi merayu pihak-pihak yang berkenaan yang bertanggungjawab supaya bertindak segera untuk membetulkan fatwa-fatwa yang menyesatkan itu.

Seterusnya, saya suka menyentuh juga tentang jalan-jalan penggawa ataupun jalan-jalan kampung. Saya menyokong supaya semua jalan-jalan kampung ditarkan supaya dengan cara yang demikian maka jalan-jalan yang selalu berselut sewaktu musim hujan tidak akan berselut lagi dan rakyat daripada luar bandar tidak terputus hubungan mereka dengan tempat-tempat lain sewaktu musim tengkujuh.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyebut mengenai rancangan perumahan kepada orang-orang yang berpendapatan kecil. Saya minta supaya Kerajaan memperbanyakkan dan mempercepatkan lagi pembinaan rumah-rumah harga murah untuk faedah rakyat yang miskin sama ada di bandar ataupun di luar bandar.

Sebagai wakil rakyat daripada kawasan sempadan di antara Malaysia dengan Thailand saya mengalu-alukan usaha Kerajaan Malaysia dan Thailand hendak membangunkan kawasan Lembah Sungai Golok. Saya yakin dengan adanya rancangan ini maka usaha kita membersihkan kawasan sempadan Malaysia/Thai daripada saki-baki penganas komunis akan dapat berjaya dengan cepat lagi. Di samping itu kita akan menikmati pertumbuhan ekonomi yang pesat bagi kawasan tersebut. Saya yakin bahawa prestasi pertumbuhan ekonomi di kawasan ini tentulah banyak. Saya harap juga Kerajaan belum ada rancangan lagi satu lebuh raya didirikan di sepanjang Lembah Sungai Golok di sebelah Malaysia disambungkan dari satu tempat ke suatu tempat sehingga terdapat satu rangkaian jalan daripada Rantau Panjang di Kelantan hingga ke Kangar di Perlis, melalui tempat-tempat yang berhampiran dengan sempadan Malaysia/Thai.

Tuan Yang di-Pertua, adalah dengan ini saya meminta pihak Kementerian Kebajikan

Am untuk mendirikan rumah-rumah orang tua di kawasan-kawasan luar bandar. Sekiranya pihak Kementerian Kebajikan Am berminat dengan cadangan ini saya suka menyatakan bahawa sebelum sebuah pusat ini diadakan hendaklah dirancangan dengan seberapa teliti supaya segala kemudahan asas diadakan supaya orang-orang tua yang akan tinggal di rumah tersebut akan dapat ke-selesaian sepenuh-penuhnya.

Saya juga meminta Kementerian Kebajikan Am menambahkan lagi peruntukan untuk membantu murid-murid miskin di sekolah-sekolah di luar bandar. Walaupun saya sedar bahawa setakat ini Kementerian Pelajaran ada memberi bantuan buku teks dan lain-lain lagi bantuan seperti biasiswa dan makanan pagi, Kementerian Kebajikan Am boleh memberi bantuan dalam bentuk lain-lain yang belum lagi diberikan oleh Kementerian Pelajaran.

Saya suka menyatakan di sini bahawa perlu saya memberi pujian kepada Kerajaan kerana membuat dasar mengeluarkan lesen teksi kepada pemandu-pemandu sahaja. Pihak pemandu-pemandu teksi yang selama ini memandu teksi yang disewa daripada orang lain dan saya minta supaya dasar ini hendaklah diteruskan. Di samping itu dasar MARA memberi pinjaman 100% untuk membeli teksi yang ada pada hari ini hendaklah diteruskan, kerana ini sangat-sangat memberi pertolongan kepada pemandu-pemandu teksi yang tidak mampu walaupun hendak membayar wang deposit untuk membeli teksi.

Sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan ucapan tahniah saya ke atas dasar-dasar yang dibentangkan melalui Belanjawan 1981 yang dijalankan untuk menolong golongan yang berpendapatan rendah. Dengan ini saya mohon menyokong Belanjawan 1981. Sekian, terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

5.24 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Mohamad (Pasir Puteh): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh strategi Belanjawan 1981 yang ditujukan untuk menentang kesan-kesan buruk dari suasana ekonomi dunia yang bertambah buruk dan lembab ketika ini. Kejayaan Kerajaan dalam strategi Belanjawan

yang baharu ini tidak usah dan tidak payah dipersoalkan dan tidak payah diragukan kerana perkembangan ekonomi Malaysia dalam tahun 1980 telah meningkat sebanyak kira-kira 8% yang telah membuktikan kejayaan dan melebihi daripada target yang dianggarkan hanya 6.5% sahaja. Hanya kecerdasan dan kepintaran pemimpin Kerajaan Barisan Nasional sahajalah dapat menentukan kejayaan ekonomi kita dan menjadikan kadar inflasi di antara yang paling rendah di dunia dan pertumbuhan ekonomi pula adalah di antara yang paling pesat kadar pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pertumbuhan ekonomi yang mengagumkan ini sepatutnya semua rakyat yang waras bukan sahaja bergemah dan berbangga dengan kejayaan ekonomi kita tetapi bernadahkan tangan dan bersyukur kepada Allah s.w.t. yang telah merestui dan berterima kasih kepada Kerajaan di bawah pimpinan Barisan Nasional yang telah membawa kita ke jalan yang benar yang telah melegakan dan melapangkan setiap dada rakyat dalam negara ini terutama golongan yang berpendapatan rendah dan golongan petani yang menerima tambahan subsidi itu.

Langkah-langkah Belanjawan yang tidak membebankan rakyat dengan cukai tetapi sebaliknya menguntungkan golongan pendapatan rendah merupakan satu langkah yang boleh dipuji dan disanjung tinggi oleh semua rakyat. Tuan Yang di-Pertua, di saat rakyat bersyukur dan memuji pemimpin negara kita di saat inilah juga golongan manusia telah mengaku dirinya telah berjasa dan mengaku bahawa dengan ucapannya di Dewan yang mulia ini pada masa lepas menyebabkan Kerajaan menaikkan subsidi kepada \$10.00 sepikul itu. Gelihati saya mendengarkan pengakuan ini. Kepada pembangkang yang mengaku kerana ucapannya Kerajaan melaksanakan sesuatu maka saya sifatkan mereka itu seperti Sang Kancil yang tidak dapat berak besar seperti gajah untuk menunjukkan yang dirinya berkemampuan untuk berak lebih besar, lalu diberaknya di atas busut jantan dan lalu mengaku itulah tahniah. Tuan Yang di-Pertua, ada pula yang mengatakan kerana demonstrasi petanilah maka Kerajaan terpaksa menaikkan subsidi padi itu. Ini juga merupakan satu sifat dan anggapan yang tidak mahu mengaku kebolehan dan kebijaksanaan pemimpin Barisan Nasional memutus dan membuat sesuatu untuk rakyatnya.

Orang yang tidak mahu menilai dan menghargai kepintaran dan kebolehan orang lain itu adalah mereka dari golongan yang bodoh dan sombong.

Tuan Yang di-Pertua, kelmarin Wakil dari Kota Melaka telah menimbulkan bahawa subsidi padi yang \$200 juta lebih itu tidak berfaedah kepada rakyat kerana ramai rakyat tidak mempunyai tanah. Ini juga merupakan ucapan perkauman yang lebih berat sebelah, yang meninjau dan memikirkan kepentingan bagi satu kaum sahaja. Kalau subsidi padi tidak berfaedah, apa yang berfaedah kepada petani dan kepada pembuat padi? Masalah kekurangan tanah tidakkah mereka men-celek mata atau pergi ke luar-luar bandar melihat rancangan-rancangan tanah baharu yang Kerajaan telah laksanakan, kerana Kerajaan bukanlah sebuah Kerajaan kuku besi yang boleh merampas tanah-tanah orang lain dan dibahagi-bahagikan kepada orang lain. Berkemungkinan inilah cara reformasi tanah yang akan dilakukan oleh DAP sekiranya mereka berkuasa dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Wakil dari Kota Melaka juga telah cuba hendak mengajar itek berenang. Kalau DAP terjun lubang jangan ajak kami daripada Barisan Nasional ini terjun sama lubang yang digalinya itu. Kalau Wakil dari Petaling dan DAP lain menimbulkan soal Petronas dan EPMI mengapa mesti pihak kami menyokongnya. Kerana kami tahu kebenaran atau salahnya tuduhan ini adalah keputusan mahkamah. Jangan hendak melibatkan kami. Kami Ahli Parlimen Barisan Nasional tahu akan tanggungjawab kami. Jangan cuba hendak mengajar itek berenang. Kalau Ketua Pembangkang telah bersalah dan dihukum denda oleh mahkamah di dalam membocorkan rahsia Kerajaan maka Wakil Kota Melaka sudah cuba hendak mencabar mahkamah dan mensifatkan segala hujah dan pendapat yang dikeluarkan oleh Ketua Pembangkang itu untuk kepentingan negara tetapi bagi kami mensifatkan sebagai pendapat pengacau negara dan kepentingan diri kerana mereka tahu berkata-kata tetapi tidak bertanggungjawab membuat dan melaksanakan sesuatu.

Tuan Yang di-Pertua, jangan kita meminta sesuatu kepada yang berkuasa atau berdoa sesuatu kepada Allah subhanahuwataala atau kepada Tuhan supaya semua pemimpin-pemimpin DAP ditangkap dan DAP dibubarkan sebagaimana yang disarankan

oleh Wakil dari Kota Melaka. Kalaulah sudah dua wakil DAP dibawa di bawah Akta ISA janganlah jadikan tiga atau empat kerana Kerajaan adil dan tahu apa jenayah dan subversif yang dilakukan oleh setiap banduan di bawah ISA dan jangan meminta sesuatu yang buruk itu kepada orang yang ada kerana kalau minta kepada orang yang ada jika memberinya akan menuduh sesuatu pula kepada yang meminta sesuatu yang buruk itu.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh strategi Belanjawan, saya suka menarik perhatian kepada duti eksport getah. Oleh kerana duti eksport getah sekarang ini tidak menguntungkan para pekebun kecil getah kerana terlalu tinggi berbanding dengan negara jiran kita, Thailand maka duti eksport getah yang diwujudkan berdasar 3 gred RSS dan 6 gred SMR adalah bukan sahaja menguntungkan pekebun-pekebun kecil yang selalunya membayar kadar duti yang lebih tinggi daripada yang sepatutnya berdasarkan mutu getah yang dikeluarkan tetapi juga ini akan menguntungkan negara dan kerugian yang dianggarkan \$35.3 juta setahun itu sebenarnya Kerajaan tidak akan mengalami kerugian dengan cara duti eksport getah yang dicadangkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerana selama ini negara kita telah mengalami kehilangan duti eksport getah sebanyak \$30 juta lebih setahun apabila getah kita diseludupkan ke negara Thai, negara jiran kita sebanyak kira-kira 90,000 pikul sebulan, kira-kira 3,000 pikul sehari. Ini adalah disebabkan perbezaan duti eksport di negara kita dalam kadar \$60 sepikul tetapi negara jiran kita dalam kadar hanya \$40 sepikul, penyeludupan getah keterlaluan berlaku kerana perbezaan duti eksport ini dan penyeludupan boleh mendapat untung daripada perbezaan duti ini. Tetapi dengan duti eksport getah yang dicadangkan ini berdasarkan 3 gred RSS dan 6 gred SMR menjadikan duti eksport getah dalam kadar lebih kurang di antara \$40 atau \$50 sepikul sahaja berdasarkan mutu getah yang kebiasaannya dikeluarkan oleh pekebun-pekebun kecil kita. Jadi strategi Kerajaan dalam duti eksport getah ini patut dipuji kerana bukan sahaja menguntungkan pekebun-pekebun kecil getah menyelamatkan 90,000 pikul sebulan getah dari diseludupkan ke Thailand dan menyelamatkan kehilangan lebih kurang \$30 juta lebih daripada duti eksport getah.

Tuan Yang di-Pertua, apabila 3,000 pikul getah sehari tidak diseludupkan ke Thailand kerana tidak menguntungkan lagi maka timbul satu masalah lain pula, iaitu ke mana hendak dijual 3,000 pikul sehari getah yang dihasilkan itu. Capacity yang ada di negeri Kelantan juga khususnya di negeri-negeri lain termasuk Lee Rubber dan juga badan-badan besar yang memproses getah hanya berkemampuan menampung membeli tambahan dalam bahagian membeli dan juga mengasap dan sebagainya hanya sebanyak 1,500 pikul sahaja sehari. Jadi ke mana hendak dijual atau disimpan sebanyak 1,500 pikul lagi itu, kemungkinan juga akan berlaku pembelian oleh orang-orang tengah dengan harga yang lebih rendah daripada sepatutnya. Oleh itu saya mencadangkan pihak Kerajaan dan juga MARDEC serta mana-mana agensi Kerajaan yang lain yang berkaitan akan mengambil peranan utama bagi memperbanyakkan pengeluaran lesen, pembeli ataupun lesen dealer, lesen mengasap getah, lesen packing dan juga lesen-lesen eksport getah bagi menampung kekurangan yang akan wujud akibat daripada getah yang tidak lagi boleh diseludupkan keluar itu.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, saya amat terkejut mendengar jawapan Yang Berhormat Menteri Pelajaran bahawa kadar 62.3% pengambilan pelajar bumiputra ke Universiti tempatan akan dilakukan dalam sesi 1980/81 di bawah konsep Global Kerajaan. Dengan konsep ini bermakna pengambilan pelajar bumiputra di pusat pengajian tempatan akan dikurangkan sebanyak 2% lebih kurang daripada sesi 1979/1980 yang lepas dan kekurangan ini akan berterusan ke peringkat yang tidak akan menguntungkan bumiputra dan berlawanan dengan hasrat Kerajaan untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru Kerajaan. Apakah Dasar Ekonomi Baru Kerajaan telah mencapai ke matlamat yang kita harapkan? Apakah bumiputra telah membolot kekayaan, telah monopoli cerdik pandai dalam negara ini atau apakah orang Melayu telah mendapat kedudukan yang sewajarnya dalam kepok padinya ini? Kalau tidak, mengapa kita mesti mewujudkan satu konsep yang boleh merugikan bumiputra? Apakah pada ketika ini bumiputra tidak mendesak dan

bersuara dalam pengambilan pelajar, bermakna sudah berpuas hati dengan apa yang wujud? Apakah mereka senang hati dengan desakan parti Pembangkang DAP mendesak itu dan mendesak ini, mendesak agar pengambilan pelajar ke universiti-universiti bertempat mencerminkan komposisi kaum? Apakah mencerminkan komposisi kaum ini juga atau bilangan kaum yang wujud negara ini merupakan satu konsep yang adil di dalam pengambilan pelajar, juga di dalam pembahagian segala aktiviti untuk mencapai Dasar Ekonomi Baru Kerajaan?

Tuan Yang di-Pertua, biarlah terang-terang saya katakan di sini berdasar komposisi kaum mencerminkan konsep yang tidak adil dan boleh menggagalkan konsep Dasar Ekonomi Baru Kerajaan kerana bumiputra berada di dalam keadaan kemiskinan. Sekali lagi saya tegaskan, kalau Kerajaan mencerminkan komposisi kaum di dalam pengambilan pelajar, matlamat Dasar Ekonomi Baru Kerajaan tidak akan menemui matlamatnya dan merupakan satu dasar yang tidak adil dan tidak boleh diterima oleh masyarakat bumiputra.

Contohnya, kami bumiputra tinggal di luar-luar bandar, hidup di dalam keadaan serba kekurangan, diselubungi oleh kemiskinan akibat daripada kurang kesedaran dalam kegiatan ekonomi yang diwujudkan oleh penjajah. Kerana kami miskin kami telah diminta menjarak dan mengurangkan kelahiran anak agar anak yang lahir itu tidak akan membebankan negara dan mewarisi kemiskinan yang wujud yang tidak pernah kami minta sebelumnya. Tetapi mereka di dalam bandar mendapat serba-serbi kemudahan dan membolot sebahagian besar kekayaan negara ini dengan sektor ekonomi yang menguntungkan. Mereka ini tidak perlu lagi merancang keluarga, mereka boleh melahirkan seberapa ramai manusia tanpa alasan yang boleh mendatangkan keburukan kepada negara dan juga kepada mereka kerana mereka kaya. Sekarang mereka yang tidak faham atau yang tidak mahu memahami keadaan ini melalui DAP meminta supaya komposisi kaum diasaskan dalam pengambilan pelajar dan juga pusat-pusat pengajian tinggi. Apakah ini satu yang adil di saat ini? Apakah kepada golongan kami bumiputra ini dapat menerima keadaan ini?

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjayakan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan pengambilan pelajar ke universiti tempatan hendaklah

berdasarkan kemiskinan yang wujud dan juga berasaskan cerdik pandai yang sedia ada dan mencerminkan peluang-peluang yang sudah dimonopoli oleh mereka yang terdahulu daripada ini. Tidaklah semata-mata berasas kepada komposisi kaum sebagaimana yang disuarakan oleh wakil dari Petaling itu kerana kemiskinan akan dapat dikurangkan dan imbalan kekayaan rakyat akan dapat diwujudkan dengan adanya cerdik pandai yang lahir dalam satu-satu kaum itu iaitu hasil daripada peluang-peluang yang diberi dan didapati untuk mendapat pelajaran tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, berdasar cerdik pandai yang ada dan dengan peluang-peluang yang wujud dalam negara kita semenjak dari penjajahan dahulu lagi golongan bumiputra merupakan minoriti di dalam mewarisi cerdik pandai dalam negara ini. Ini bukan kerana kami bodoh atau kami tidak berkemampuan untuk melahirkan cerdik pandai tetapi adalah kerana peluang-peluang yang ada telah disekat akibat daripada monopoli satu pihak yang terlebih dahulu menyedari atau daripada kekayaan yang telah dinikmati atau kemudahan yang telah dicapai selama ini oleh satu golongan lain.

Tuan Yang di-Pertua, warisan sektor ekonomi yang menguntungkan, kekayaan yang telah dibolot dan dinikmati dengan kemudahan-kemudahan yang dirampas selama inilah menjadikan golongan mereka ini mencapai kelebihan dan kemenangan dalam mendapat peluang-peluang baru yang diwujudkan oleh Kerajaan. Begitu jugalah dalam merebut peluang-peluang ke peringkat pengajian tinggi. Oleh itu, berdasarkan kemiskinan dan juga cerdik pandai yang ada serta peluang-peluang yang sudah dinikmati oleh satu kaum itu merupakan ukuran yang adil dalam menentukan pengambilan pelajar ke pusat-pusat pengajian tinggi tempatan, barulah kita dapat menemui matlamat Dasar Ekonomi Baru Kerajaan.

Oleh kerana kemiskinanlah golongan bumiputra tidak dapat membolot peluang-peluang pengajian tinggi di luar-luar negeri seperti mana anak-anak Ketua Pembangkang dan juga anak-anak wakil dari Seremban yang dapat juga menghantar anak-anaknya ke Australia atau ke negeri-negeri lain. Inilah menjadikan anak bumiputra tidak pun sampai 40% berada di dalam bidang pelajaran

baik di luar negeri mahupun di dalam negeri sekarang ini. Dengan itu, saya mendesak kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran tidak akan melanjutkan konsep global yang melambatkan tercapainya Dasar Ekonomi Baru Kerajaan, tetapi sebaliknya mengadakan satu konsep global yang boleh mempercepatkan tercapainya Dasar Ekonomi Baru Kerajaan tanpa mendengar suara-suara sumbang, suara-suara tamak, suara-suara yang diberi betis hendakkan peha kerana selamanya suara-suara ini tidak akan diam, suara ini yang tidak akan puas, suara yang tidak akan berterima kasih, walau banyak mana pun konsep diciptakan oleh Kerajaan kerana sifat mereka yang tidak berterima kasih itu.

Tuan Yang di-Pertua, berdasar kemasukan bangsa asing ke negara kita hendaklah diteliti dan dikaji, tidak semudah membeli tiket wayang bagi mendapatkan permanent residence di dalam negara ini juga mendapat warganegara. Peristiwa berdarah yang berlaku di Batu Pahat membuktikan penglibatan orang asing dalam mempengaruhi rakyat dan pemuda kita dengan bertopengkan ajaran Islam ataupun ajaran salah yang bertopengkan Islam. Oleh kerana Islam berdasarkan Quran dan Hadis, merupakan satu yang tidak boleh kita persoalkan serta merupakan panduan hidup masyarakat Melayu yang beragama Islam, maka dengan kedudukan inilah ramai manusia jahil mengambil kesempatan menggunakan Islam sebagai topeng bagi kepentingan diri dan juga kumpulan mereka. Oleh itu, saya berharap kepada Kerajaan mengkaji dan meneliti semula pertubuhan-pertubuhan Islam juga parti-parti politik yang memakai nama Islam supaya Islam dan namanya tidak dipergunakan dengan tujuan diri dan politik mereka.

Tuan Yang di-Pertua, apabila berlakunya perang Kampuchea, ramai orang-orang daripada Kampuchea masuk ke Malaysia melalui Kelantan di bawah Kerajaan Kelantan yang lama dahulu telah memberi perlindungan kepada mereka. Kebanyakan mereka mendapat taraf kedudukan tetap. Memang pada ketika itu kita kasihan kerana mereka terpaksa lari dari negaranya memohon belas kasihan menumpang di tanah-tanah orang, tetapi sekarang apa telah terjadi. Mereka ini kesemuanya telah hidup mewah dan masing-masing sudah memiliki motokar serta menjalankan perniagaan dengan bebas di seluruh Semenanjung Malaysia.

Setengah-setengah mereka telah sombong dan telah lupa yang mereka itu datang menumpang ke negara orang. Yang paling menyedihkan saya ialah mereka cuba mencampuri hal ehwal politik negara kita dan menentang Kerajaan yang ada sekarang. Mereka telah menimbulkan soal politik dan soal perkauman yang mencontohkan bahawa Malaysia akan jadi sama dengan Kampuchea sekiranya Kerajaan Barisan Nasional yang didokong oleh UMNO ini bercantum dengan parti-parti lain. Suaranya adalah sama dengan suara-suara PAS dalam propaganda politiknya. Oleh itu, saya memohon kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengkaji semula sama ada semua orang-orang Kampuchea dan juga siapa sahaja yang mendapat taraf penduduk tetap dalam negara kita ataupun mendapat warganegara, sekiranya perlu hendaklah taraf penduduk tetap itu ditarik balik dan jika perlu mereka itu biarlah balik ke negaranya yang asal.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan hendaklah ingat sesuatu tindakan yang hendak diambil biarlah diperingkat awal, jangan nasi sudah menjadi bubur. Kita tidak tahu, jangan nasi sudah menjadi bubur baru kita hendak mengambil tindakan. Kita tidak mahu setelah satu jenerasi berlalu baru kita sedar kesilapan kita dan kita tidak mahu anak cucu kita kita memaki kita semasa kita berada di dalam kubur nanti akibat kesilapan kita sekarang. Bangsa yang mendatang seperti ini selalunya tidak akan mahu mengenang budi dan mengenang jasa dan mudah lupa dari mana asalnya mereka datang, lebih-lebih lagi apabila anak cucu mereka yang dilahirkan di negara ini sudah tentu akan mengakui negara ini haknya. Yang lebih tersiksa lagi kepada anak cucu kita ialah mereka ini menuntut persamaan hak itu dan hak ini. Ketika itu anak cucu kita akan menanggung beban yang amat berat dan rumit sekali akibat daripada kesilapan kita.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya sebutkan ini adalah takut pisang berbuah dua kali. Sejarah telah membuktikan dan mengajar kita dengan apa yang telah berlaku. Beban perkauman yang pekat kita pikul sekarang ini dan juga desakan-desakan demi desakan ditujukan kepada Kerajaan oleh pihak Pembangkang terutama DAP adalah merupakan mereka yang tidak mahu melihat kepada sejarah negara ini. Apa yang berlaku

sekarang adalah merupakan kesilapan datuk nenek kita dahulu. Mereka ini menempa sejarah ke arah yang tidak menguntungkan anak cucunya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa soal jawab, soalan telah ditimbulkan oleh DAP mengapa rakyat kita dibahagikan kepada bumiputra dan bukan bumiputra. Ini soal yang ditimbulkan, ini yang dipersoalkan oleh mereka. Mengapa mereka tidak bertanya siapa punya bangunan yang bertingkat-tingkat itu? Siapa yang punya kilang yang besar-besar di Petaling Jaya itu? Mengapa mereka tidak bertanya siapa punya Mercedes yang berjela-jela itu? Mengapa mereka tidak bertanya itu dan ini semua? Kerana mereka tahu segala kekayaan dan kenikmatan negara ini telah mereka bolot dan telah mereka monopoli setelah kami ditindas, setelah tenaga kami jauh lebih lemah maka mereka mengajak berlawan, berlawan dalam merebut ekonomi negara, berlawan dalam mendapat tempat di pusat-pusat pengajian tinggi, berlawan dalam segala hal, itulah mereka minta perhitungan milik, itulah yang diminta oleh wakil dari Petaling untuk memberi tempat kepada pelajar-pelajar di pusat-pusat pengajian tinggi juga di dalam segala hal dalam Jabatan-jabatan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apalah ada pada nama. Sebenarnya pihak bumiputra sanggup dipanggil bukan bumiputra atau dipanggil apa sahaja sekali pun asalkan segala kekayaan yang ada dalam negara ini diberi kepada kami.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Ekonomi Baru Kerajaan telah memberi nama bumiputra kepada kami adalah membuktikan golongan kami inilah yang kaya dengan kemiskinan, yang kaya dengan penyakit dan yang kaya dengan kebodohan dan buta huruf. Apakah mereka mahu kepada bumiputra ini? Ambillah kalau mereka mahu. Kalau manusia dengki tidak mengenang budi dan berfikir yang tidak rasional sahaja yang mengungkit-ungkitkan soal ini. Mereka tidak puas hati dengan kekayaan dan kelebihan yang ada pada mereka. Mereka sudah tamak dan haloba dan takut kekayaan mereka dirampas atau sama-sama dinikmati oleh orang lain yang ingin atau golongan lain yang juga ingin menikmatinya. Itulah sebab mereka unkit-unkit benar dengan perkataan bumiputra dan bukan-bumiputra

yang diberi kepada mereka itu sebagaimana yang disebut oleh wakil dari Damansara tadi mengapakah keutamaan diberikan kepada bumiputra.

Sebenarnya, mereka itu tidak faham kerana selama ini keadaan tidak seimbang telah wujud. Dengan tidak seimbang itulah timbulnya peristiwa 13 Mei dahulu. Apakah orang kaya dari satu kaum itu akan hidup senang, akan hidup aman, mereka itu akan hidup di dalam keadaan tenteram dan akan dapat mengekalkan kekayaannya sekiranya satu kaum lagi hidup di dalam keadaan menderita? Kesedaran inilah timbulnya Dasar Ekonomi Baru Kerajaan yang memberi keutamaan sedikit kepada bumiputra yang selama ini ditindas dan ditinggalkan akibat daripada dasar penjajah di dalam negara ini. Bumiputra dan bukan bumiputra hanya wujud di dalam pembahagian ekonomi dan juga di dalam Dasar Ekonomi Baru Kerajaan oleh kerana keadaan yang tidak seimbang, sehinggalah keadaan itu akan mencapai kepada matlamat.

Tuan Yang di-Pertua, layanan kelas satu dan kelas dua sudah tidak timbul di dalam negara ini, hanya ditimbulkan oleh mereka yang berfikiran tidak waras yang telah diselubungi dengan perasaan yang penuh emosi yang tidak boleh diterima oleh kita sebagai rakyat yang berfikiran waras.

Tuan Yang di-Pertua, perpaduan sebenarnya tidak akan wujud dalam negara ini selagi ada juara yang memperjuangkan perkauman yang pekat, selagi ada juara yang mempergunakan isu-isu kaum bagi merebut kerusi di dalam Dewan ini. Dengan perkataan lani, perpaduan rakyat tidak akan wujud dengan adanya DAP dan juga PAS yang memperjuangkan kepentingan satu kaum sahaja. Kedua-dua parti itu bukan sahaja tidak dapat mewujudkan perpaduan negara dan juga perpaduan seluruh rakyat dalam negara ini, tetapi sebaliknya memecah-belahkan rakyat di dalam kaumnya sendiri.

DAP yang bertopengkan perpaduan dengan berbilang kaum konon telah memecahkan perpaduan kaum Cina dan juga kaum India. PAS pula yang bertopengkan Islam telah memecah-belahkan orang Melayu yang selama ini terkenal dengan sifat tolong-menolong, lemah-lembut dan juga semangat yang kuat di dalam berjiran dan yang

paling sedih sekali PAS yang bertopengkan Islam itu telah mewujudkan perpecahan di kalangan masyarakat Islam sendiri akibat daripada akidah yang salah dan juga ajaran-ajaran hukum Islam yang tidak benar kepada masyarakat Islam. Mereka itu mencantumkan Islam dengan parti mereka dengan tujuan untuk mengelirukan masyarakat Islam di kampung-kampung.

Tuan Yang di-Pertua, PAS telah menimbulkan konsep Islam dan politik tidak dapat dipisahkan. Konsep ini semua boleh diterima oleh orang Islam, termasuk saya sendiri, tetapi huraian-huraian yang diberi dengan perbuatan yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin PAS adalah semata-mata memperguna dan memperalatkan Islam serta hukum-hukumnya bagi tujuan politik. Ini adalah amat salah dan juga dikutuk oleh Allah s.w.t. kerana Islam tidak boleh dijadikan alat atau tidak boleh dijadikan perantaraan bagi maksud dan tujuan-tujuan yang lain selain daripada tujuan Allah. Sebab itulah timbulnya hukum-hukum yang salah di dalam ajaran ugama yang menyeleweng bagi kepentingan yang lain. Kalau guru mengajar ajaran salah ini ditangkap dan dibicarakan di mahkamah bukan hukum-hukum dan ajaran yang diajar itu dipersoalkan dan tok-tok guru tidak pernah mempertahankan ajaran yang dilakukan itu betul ataupun benar berdasarkan Quran dan Hadis tetapi sebaliknya yang dipersoalkan dan dibicarakan adakah betul beliau itu ada berkata, bila dan di mana dan sah atau tidak saman itu dikeluarkan oleh Mahkamah atau sebagainya yang sedikitpun tidak menyetujui tentang betul benar ajaran yang dilakukan. Jika tok-tok guru itu benar dan ajaran yang dilakukan berdasarkan Quran dan Hadis dan pengajarannya kerana Allah s.w.t. bukan kerana politik PAS maka dengan kerana Allah jugalah tok-tok guru itu mestilah mengakui kebenaran ajarannya dan jadikan Quran dan Hadis sebagai sokongan hujahnya. Dengan sifat setengah tok-tok guru yang tidak mahu dan berani membicarakan ajarannya berdasarkan Quran dan Hadis dan membuktikan ajarannya yang salah dan ajarannya yang tidak kerana Allah itu tetapi adalah kerana politiknya.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat menafikan semua manusia akan menyedari dan sejarah telah membuktikan yang UMNO telah berjasa kepada rakyat negara ini dan

telah berjasa kepada perkembangan Islam dan telah meletakkan Islam di tempat-tempat yang sewajarnya dalam negara ini kerana UMNO tidak memperalatkan Islam untuk kepentingan partinya atau politiknya tetapi memperalatkan partinya dan politiknya serta pemimpinya untuk kepentingan Islam, UMNO tidak mahu mempergunakan ajaran-ajaran dan hukum-hukum Allah untuk kepentingan partinya, biarlah setengah golongan mengatakan UMNO itu tidak Islam tetapi pada hakikatnya UMNO telah berjasa dan membuat sesuatu terhadap Islam dalam negara ini kerana selama-lamanya pemimpin UMNO dalam negara ini memperalatkan dan mempergunakan partinya dan kuasa-kuasa politiknya untuk kepentingan syiar Islam tanpa mencampuri ajaran dan hukum-hukum Islam untuk dikaitkan dengan politik, kerana golongan kami percaya ajaran-ajaran dan hukum-hukum yang ditetapkan oleh Allah s.w.t. melalui Quran dan Hadis itu adalah sesuatu yang tidak boleh kita persoalkan terutama oleh golongan ahli politik yang berkepentingan seperti kita semua.

Biarlah persoalan ajaran hukum-hukum Allah itu diserahkan kepada alim-ulama kerana melalui Majlis Ugama ataupun Majlis Fatwa negara kita membincangkan tanpa dikaitkan dengan politik, lebih-lebih lagi parti politik yang memakai nama Islam. Jadi konsep Islam dan politik tidak dapat dipisahkan adalah wajar dengan cara perjuangan UMNO yang dilakukan sekarang ini dengan mengadakan pembangunan di dalam rohaniah dan meninggikan syiar Islam hasil daripada kejayaan kita memperalatkan parti dan politik untuk kepentingan Islam. Ini adalah fahaman dan konsep yang sebaiknya serta tidak menyentuh kesucian Islam sebagai agama Allah dan keluhuran hukum-hukum kepada umatnya tanpa membezakan di antara PAS ataupun UMNO. Dengan itulah Islam dan politik tidak dapat dipisahkan.

Tuan Yang di-Pertua, DAP pula telah memecahkan perpaduan kaum-kaum Cina dengan tindakan perkaumannya. Memang benar DAP, parti berbilang kaum selalu menuduh parti UMNO, MCA dan MIC sebagai parti perkauman yang diwujudkan oleh satu-satu kaum sahaja. Sebab itulah saya katakan DAP parti yang bertopengkan perpaduan

kerana lahirnya berbilang kaum tetapi hakikatnya dan perjuangannya adalah menimbulkan isu perkauman yang amat bisa dalam kita mewujudkan perpaduan negara.

Tuan Yang di-Pertua, cuba kita bertanya kepada mereka berapa keratkah orang Melayu yang berada dalam DAP? Apakah isu-isu perjuangan DAP untuk menolong orang Melayu yang tertindas dari segi ekonomi dan pelajaran dalam negara ini? Bukan sahaja DAP tidak memperjuangkan kepentingan orang Melayu, tetapi dengan perbezaan nama bumiputra yang diberikan kepada orang Melayu dan rakan-rakan penduduk asli negara inipun adalah dicurigai dan diragukan.

Tuan Yang di-Pertua, memang benar UMNO, MCA, MIC juga GERAKAN mengutamakan perjuangan untuk kepentingan satu-satu kaum di dalam satu-satu parti itu. Tetapi mereka memperjuangkan kepentingan perpaduan negara dan mengwujudkan keselamatan dan kestabilan negara di dalam Barisan Nasional, kalau dahulunya ialah PERIKATAN, kerana kita mengenali bahawa tiap-tiap kaum boleh menimbulkan dan boleh memperjuangkan kepentingan kaum mereka di dalam lingkungan kaumnya sahaja tanpa menyentuh kaum-kaum lain.

Konsep Barisan Nasional merupai badan penyelaras yang menentukan tiap-tiap kepentingan yang diputuskan di dalam satu-satu kaum itu dapat dilaksanakan agar tidak menyentuh mana-mana pihak atau kaum lain dan tidak ada kaum lain yang tertindas dan dianiaya oleh sebab keputusan parti. Untuk berpuas hati memang semua kaum yang ada dalam negara ini tidak akan berpuas hati, kerana untuk memuas hati satu pihak mengakibatkan satu pihak lain akan tertindas dan akan dianiayai dan kerana tidak puas hati itulah membuktikan keadilan, kerana Barisan Nasional sebagaimana selalu yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir, Timbalan Perdana Menteri kita.

Tuan Yang di-Pertua, Barisan Nasional merupakan konsep yang paling sesuai untuk negara ini kerana konsep ini telah mewujudkan Kerajaan yang teguh dan menjamin ekonomi yang bertumbuh dengan pesatnya dan keselamatan negara yang tidak akan terjejas, melainkan ada juaranya memperjuangkan konsep lain yang mungkin

berjaya di negara lain, tetapi tidak mungkin berjaya di dalam negara kita Malaysia. Di dalam mengwujudkan kestabilan negara dan juga kesempurnaan rakyat dasar-dasar dan konsep yang diimport daripada luar tanpa bersesuaian dengan kedudukan rakyat yang majmuk di dalam negara ini tidak mungkin akan dapat mengekalkan keadaan kesejahteraan dan juga kenikmatan yang kita nikmati sekarang ini, yang kita harus ingat kesilapan rakyat untuk menentukan parti dan Kerajaan yang memerintah dalam negara ini adalah juga merupakan rakyat itu akan menempah huru-hara dan akan juga menempah malapetaka yang kita tidak ingini, kerana kesilapan pemimpin dan Kerajaan membuat keputusan, akibat baik dan buruk daripada keputusan itu akan sama-sama rakyat peroleh. Oleh itu rakyat harus menentukan mana-mana parti dan juga pemimpinnya yang boleh menjamin kestabilan negara ini agar dapat mengekalkan kenikmatan yang kita rasai sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh kesukaan bangsa asing ke negara kita lagi di samping kita berkehendakkan pegawai-pegawai teknik dan professional iaitu jurutera-jurutera dan juga juruterbang juga doktor dan sebagainya. Adakah kita semestinya menukarkan ilmu-ilmu mereka itu dengan taraf penduduk tetap atau memberi mereka warganegara, kerana warganegara dan taraf penduduk tetap ini adalah lebih bernilai dan kira-kira tidak ada nilainya kalau kita hendak bandingkan atau kita hendak bayangkan dengan wang bagi sebuah negara yang aman dan makmur seperti negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini wakil dari Tumpat telah menimbulkan dalam soalnya berapa ramai pegawai-pegawai teknik dan juruterbang MAS yang telah mendapat taraf permanent residence dan juga kerakyatan Malaysia dalam negara ini. Pihak Kementerian Pengangkutan telah memusingkan jawapannya dengan mengatakan pemberian taraf penduduk tetap dan warganegara ini bukan tanggungjawab MAS dan tidak ada timbul kurang awasan daripada pihak MAS. Oleh itu dengan tegas saya ingin mengetahui berapa ramai juruterbang-juruterbang, pegawai-pegawai teknik MAS yang diambil bekerja secara kontrak itu telah mendapat permanent residence atau mendapat kerakyatan di Malaysia ini. Saya perlu mendapat jawapan daripada pihak yang bertanggungjawab dan jika terdapat ramai perkara ini

berlaku, saya meminta Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengkaji semula, apakah cara dan jalannya mereka ini boleh mendapat taraf penduduk tetap atau kerakyatan itu supaya perkara ini tidak akan berleluasan berlaku dan jika perlu, hendaklah mereka itu ditarik balik.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya setiap kali wakil daripada PAS iaitu Wakil dari Baling, Wakil dari Permatang Pauh dan juga Wakil dari Pengkalan Chepa memarahi pemimpin Barisan Nasional yang mengutuk mereka yang fanatisme iaitu kumpulan dakwah songsang dan juga pengikut pengajaran agama Islam yang menyeleweng dan menuduh pemimpin kita mulut celupar serta membesar-besarkan perkara ini. Apakah mereka ini semua di bawah arahan parti yang bertopengkan Islam ini? Jadi kalau tidak, apa yang mereka mesti memarahi apa yang ditimbulkan oleh pemimpin kita. Apakah ini boleh kita sifatkan pemimpin kita memusuhi badan-badan dakwah, kalau sekiranya pemimpin kita ini hanya memarahi kepada dakwah songsang dan juga ajaran-ajaran yang salah. Sebenarnya Kerajaan kita tidak pernah memusuhi badan-badan dakwah bahkan sebaliknya menggalakkan badan-badan dakwah ini serta juga membenarkan ajaran-ajaran agama Islam yang sihat, tetapi bukan dakwah songsang atau ajaran-ajaran sesat ataupun syarahan-syarahan dakwah atau agama yang dipesongkan ke arah politik yang boleh mengelirukan umat-umat yang mendengarnya.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat daripada apa yang mereka lakukan itu, kita dengar ucapan daripada wakil-wakil itu seolah-olah mereka ini juga adalah penyokong dakwah songsang dan juga ajaran agama sesat ini kerana golongan inilah mudah mereka peralatkan. Kalau dahulu mereka telah berjaya membawa isu kafir, sekarang ini mereka cuba membawa isu dakwah pula untuk mereka pergunkan dalam memikat undi dan sokongan-sokongan terhadap PAS kerana mereka tahu di zaman ini kesedaran ataupun brain pemuda kita terhadap Islam dan juga dakwah berupa satu kesedaran yang kita tidak dapat sangsikan dan kita sangat menyedari serta menyokong tentang kesedaran ke arah Islam dan dakwah yang sebenar yang patut kita galakkan ini, tetapi bukan ajaran salah ataupun dakwah songsang. Apakah alim-alim ulamak PAS ini

tidak faham dengan perkataan songsang dan juga perkataan sesat atau perkataan salah. Kalau mereka tidak mahu memahami perkataan "songsang, sesat dan salah" itu bermakna mereka menyuruh pemimpin kita mengutuk dakwah ataupun menentang dakwah dan menentang ajaran agama Islam. Dengan ini mudahlah mereka mengeksploitasikan golongan dakwah dan membawa isu dakwah sebagai pernah mereka membawa isu kafir ke dalam arena politik mereka. Kalau seorang Islam telah pernah mengingkarkan orang Islam lain kerana tidak menyokong PAS, maka tidak hairanlah kalau mereka memutar-belitkan perkataan dakwah dan hukum-hukum Islam yang lain untuk tujuan politik mereka.

Saya cukup hairan mengapa ketiga-tiga wakil PAS tidak menyebut dan tidak pernah bersuara dalam Dewan ini tentang ajaran hukum-hukum salah yang dibawa oleh orang-orang PAS sendiri. Apakah Wakil daripada Pengkalan Chepa dan juga Wakil-wakil lain PAS telah membenarkan hukum-hukum yang mengatakan orang UMNO ini kafir atau sembelihan orang UMNO tidak boleh dimakan atau jurumikah orang UMNO tidak sah, dan juga perkahwinan orang PAS dengan orang UMNO juga tidak sah. Apakah hukum-hukum ini benar terdapat dalam Quran dan Hadis. Saya mencabar wakil-wakil PAS supaya menerangkan hukum-hukum tersebut adakah benar atau salah. Mengapa mereka tidak menimbulkan di dalam Dewan ini kalau setakat pemimpin Barisan Nasional mengatakan atau membuat tuduhan sesat atau kenyataan sesat, ini sekiranya tidak benar adalah ringan di sisi Allah. Tetapi kalau tok-tok guru dan alim ulamak membenarkan hukum-hukum sesat dan juga membenarkan ajaran sesat dan menyokong dakwah songsang adalah ini berat dosanya di sisi Allah.

Tuan Yang di-Pertua, inilah masyarakat kita ataupun telah rosaknya kalau hukum-hukum Islam itu dicampurkan dengan politik dan inilah bahayanya kalau tok-tok guru atau tok-tok alim kita menceburkan diri dalam politik kerana orang yang alim dalam agama tidak mesti orang itu berjaya dalam politik dengan alimnya itu. Maka untuk berjaya dalam politik maka mereka mesti berbohong, mereka mesti membenarkan yang salah dan menentang yang benar, moga-moga Allah menyedarkan mereka ini agar agama Islam dan hukum-hukum yang luhur itu tidak

akan dikotori dan dicabuli oleh kepentingan politik manusia.

Tuan Yang di-Pertua, kemasukan pendakwah asing daripada luar negeri patut juga disekat kerana kebanyakan mereka ini bukan sahaja membawa dakwah dan ajaran yang berlainan dengan peradaban dan kebiasaan kita, tetapi juga cuba mencampuri hal agama dan politik dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kepada MARA, JPA dan lain-lain badan yang mengeluarkan biasiswa kepada pelajar-pelajar kita di luar negeri, badan-badan tersebut hendaklah memberi syarat bahawa mana-mana pelajar yang tamat kursus dan pengajiannya hendaklah balik ke Malaysia dan melaporkan diri kepada pihak yang berkenaan dengan seberapa segera selewat-lewatnya sebulan, kerana ini telah terjadi pelajar-pelajar kita yang tamat daripada England atau daripada Amerika pada bulan Jun dan Julai dahulu hingga 4 bulan lebih baru sampai ke tanah-air. Katanya mereka menambah ilmu agama ataupun menambah ilmu dakwah di Pakistan dan juga di India. Jadi yang menghairankan saya, Tuan Yang di-Pertua, apakah kurangnya di Malaysia ini untuk mereka itu menambah pengetahuan dan juga belajar agama. Inilah yang menghairankan kita kerana dengan ilmu mereka itu, dengan alim ulama dan juga guru-guru yang ada di Malaysia ini sudah cukup bagi mereka untuk memperdalam agama.

Di negara kita ramai tok-tok guru yang tulin—jangan tok-tok guru yang tidak tulin—yang boleh kita mempelajari agama kerana kita tidak mahu negara kita dipengaruhi dengan cara dan corak yang tidak bersesuaian dengan peradaban dan juga tata susila kita orang-orang di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya suka menyentuh Wakil dari Pengkalan Chepa yang telah menimbulkan subsidi baja yang tidak diberi kepada orang-orang PAS yang menyebabkan penanaman padi merosot, tetapi saya tengok orang-orang PASlah yang ramai sekali memikul baja di kawasan saya. Yang tidak diberi baja itu kemungkinan mereka itu tidak mahu, kerana baja itu adalah baja tahi orang Vietnam, sebab itu mereka tidak mahu dan mereka tidak diberi baja. Begitu juga dia membangkitkan peruntukan \$100,000 kepada Wakil Rakyat Barisan Nasional, tetapi sebenarnya pihak Wakil Rakyat sendiri

tidak pernah menerima peruntukan \$100,000 ini dan juga kami Wakil Rakyat Barisan Nasional tidak pernah menerimanya, cuma kami dapat mengesyorkan projek-projek kepada Jabatan Perdana Menteri bagi peruntukan yang ada di Jabatan tersebut. Dan kalau dahulu pernah Wakil tersebut mengesyorkan projek-projek kepada JPM dan kalau teringin, saya rasa dapatlah Wakil tersebut berjumpa Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri dan janganlah kita bercakap itu tidak kena, ini tidak kena dan juga mencaci Kerajaan tetapi tangan kita juga meminta.

Janganlah wang pembangunan itu dikaitkan dengan wang cukai dari rakyat. Berapa sen rakyat PAS telah membayar cukai kerana semua cukai yang diterima dari rakyat kelantan, termasuk Pengkalan Chepa tidak cukup untuk perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri Kelantan. Bukan sahaja untuk membayar belanja mengurus, untuk membayar gaji pegawai-pegawai di negeri Kelantan pun tidak cukup, lebih-lebih lagi hendak dibuat pembangunan.

Sebenarnya, saya teringat bukan sahaja orang-orang PAS di kampung yang membandingkan bahawa pembangunan itu daripada wang cukai, tetapi pemimpin-pemimpin besar juga ingat begitu. Jadi kalau pemimpin itu pemimpin besar menyarankan bahawa pembangunan negara ini daripada wang cukai rakyat, maka saya rasa mereka itu patut mengkaji semula tentang buku Belanjawan yang diberi ini. Soal adil atau tidak adil yang ditimbulkan oleh pemimpin PAS itu sebenarnya kita tidak payah cakap lagi di dalam Dewan ini kerana rakyat di Kelantan, terutama penyokong-penyokong UMNO di Kelantan telah merasai nikmat pedih bagaimana adilnya Kerajaan PAS memerintah Kelantan selama hampir 20 tahun. Kezaliman kepada orang-orang UMNO yang telah sanggup merampas dan memberi kepada penyokong-penyokong PAS tanah yang telah diusahakan oleh orang-orang UMNO sudah hampir 10 tahun lebih. Adakah ini satu perkara yang adil yang dilakukan oleh Kerajaan yang lepas?

Iniilah sebagai contoh adil atau tidak adilnya Kerajaan PAS Kelantan semasa memerintah dahulu. Jadi kalau kita membincangkan sekarang soal adil atau tidak adil sebuah Kerajaan itu, mengikut kaca mata saya

Kerajaan sekarang adalah cukup adil kerana baja-baja yang diberi dan juga pembangunan yang diberi itu banyak kita beri kepada orang-orang PAS. Kalau sekiranya orang-orang UMNO dahulu tidak mendapat tanah kerana mereka orang UMNO, ini hanya kalau ada seorang dua orang PAS tidak mendapat baja telah dibangkitkan adalah ini merupakan perkara biasa di dalam arena politik kita.

Oleh itu, saya menyokong Belanjawan 1981 yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dari Alor Setar.

6.18 ptg.

Tuan Oo Gin Sun (Alor Setar): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Belanjawan yang dikemukakan oleh Menteri Kewangan pada 17hb Oktober, 1980.

Saya sukacita mendengar bahawa ekonomi dalam negara kita telah bertambah kepada 8% untuk dibandingkan dengan anggaran yang lalu yang dijangka sebanyak 6.5% sungguhpun ekonomi dunia telah merosot.

Apabila Menteri Kewangan membentangkan Belanjawan, ia telah menyebut bahawa strategi Belanjawan itu mengekalkan pertumbuhan ekonomi di tahap yang tinggi dan berterusan dan tekanan inflasi dapat dibendung supaya rakyat yang berpendapatan rendah dan perseorangan mendapat faedah.

Sebagai Anggota Parlimen dari negeri Kedah, saya bergembira dengan kenaikan subsidi harga padi secara kupon dari \$2 sepikul kepada \$10 sepikul. Dahulu petani-petani telah merasa keciwa kerana tidak dihiraukan. Dengan kenaikan harga padi maka petani-petani dapat meningkatkan kehidupan mereka. Tetapi rancangan subsidi padi telah menimbulkan satu masalah yang serius kepada pengilang-pengilang padi kecil. Kupon tidak dikeluarkan kepada petani-petani yang menjual padi mereka kepada pengilang-pengilang padi kecil atau orang-orang tengah. Dengan pertambahan subsidi petani-petani itu sekarang meminta tambahan itu daripada pengilang-pengilang itu atau pada orang-orang tengah.

Keadaan ini adalah serius memandangkan ada lebih kurang 300 pengilang-pengilang

kecil di kampung-kampung di seluruh negeri Kedah. Masalah yang serius ini akan menjadi buruk kalau ianya tidak diatasi dengan cermatnya.

Tunjuk perasaan yang berlaku di Kedah janganlah dibiarkan berulang lagi. Perkara ini menjadi lebih sulit apabila Kerajaan Negeri telah memutuskan supaya 40 lesen pengilang pengilang padi kecil dijadikan pengilang padi besar beberapa bulan dahulu tetapi atas sebab-sebab yang hanya LPN sendiri tahu, Lembaga itu masih melambat-lambatkan kelulusan atas perkara ini.

Kita tidak dapat tahu mengapa kelambatan berlaku tetapi ini jelas menunjukkan LPN dan Kerajaan Negeri Kedah tidak mempunyai persefahaman di antara satu sama lain. Sudah sampai masanya bagi LPN mengambil langkah mengatasi masalah ini dengan segera sekiranya kita hendak menolong petani-petani dan juga menggalakkan penanaman padi di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu juga Menteri Kewangan tidak lupa kepada peniaga kecil dan katanya kemudahan pinjaman khas akan diberi oleh Bank-bank Perdagangan untuk peniaga kecil tanpa cagaran sehingga \$50,000. Di samping itu pekebun-pekebun kecil getah juga tidak dilupakan dengan pertambahan subsidi untuk tanaman semula.

Mengikut peruntukan bagi tahun 1981 perbelanjaan mengurus bagi pelajaran sebanyak \$2,805 juta. Peruntukan yang dicadang bagi pelajaran sebanyak itu untuk pertambahan pelajar setiap tahun dan perluasan kemudahan-kemudahan pembelajaran terutama di kawasan luar bandar. Dengan berharapan kita untuk menentukan pelajar-pelajar kita di luar negeri. Saya harap pegawai-pegawai daripada Kementerian Pelajaran dan pegawai-pegawai daripada Jabatan Perkhidmatan Awam dikoordinasi supaya "Toronto Fiasco" tidak diulang lagi. Kita terperanjat apabila mendengar lebih kurang 150 pelajar di bawah tanggungan Kerajaan tiba di Toronto untuk dimasukkan di sekolah-sekolah "off-shore" telah mendapat belum dimulai. Ini ternyata ada pegawai yang tidak menjalankan tugasnya (his homework). Bahawa dinyatakan oleh Pegawai Pelajar (Student Guidance Officer) daripada Kementerian Pelajaran Canada adalah sekolah-sekolah ini

diwujudkan untuk mencari wang sahaja (money making schools). Saya harap Pegawai-pegawai kita daripada Kementerian Pelajaran pada masa akan datang terlebih dahulu disiasat di atas Kolej-kolej di Canada (Canadian off shore colleges) sebelum dihantar pelajar-pelajar keluar negeri supaya peristiwa ini tidak diulangi.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah menyediakan peruntukan yang banyak untuk memajukan kualiti guru-guru melalui pelaksanaan berbagai program latihan yang lebih luas. Sungguhpun begitu saya menarik perhatian Dewan berkaitan keadaan beratus-ratus guru daripada Sekolah Cina dan Tamil telah tidak diambil untuk latihan dan masih dalam jawatan sementara (temporary basis). Dengan kerana Kerajaan telah bercadang penambahan kemudahan pelajaran di luar bandar maka Kerajaan dapat ambil mereka dalam jawatan sementara untuk latihan.

Dalam laporan belanjawan Kerajaan telah bercadang untuk menambah peruntukan Program Rawatan Perubatan dan Kesihatan akan ditambah dari \$168 juta kepada \$191 juta lebih menyeluruh di luar bandar akan tetapi Jabatan Perkhidmatan Awam baru-baru ini telah ambil tindakan untuk menamatkan perkhidmatan lebih daripada 165 jururawat yang telah berkhidmat di rumah-rumah sakit (hospitals) lebih daripada 6 tahun. Saya difahamkan jururawat-jururawat ini telah dilatih di luar negeri. Kita telah ketahui mereka ini dilatih di luar negeri pada awal tahun 1970 semasa kita mengalami kekurangan jururawat dalam negeri. Bekas Menteri Kesihatan kita telah pergi ke luar negeri dan meminta mereka yang berkhidmat di rumah sakit luar negeri balik untuk berkhidmat dalam negara kita oleh sebab perkhidmatan mereka dikehendaki. Untuk mengalukan seruan itu maka banyak daripada mereka telah pulang dan berkhidmat di rumah-rumah sakit beberapa tahun akan tetapi baru-baru ini perkhidmatan mereka dihentikan. Saya harap Kerajaan akan ambil perhatian dalam perkara ini dan masalah ini dapat diatasi dengan tidak dihentikan mereka itu.

Dalam laporan belanjawan, Menteri Kewangan telah menyeru di sektor awam untuk membantu Kerajaan mempercepatkan kemajuan dalam bidang pembangunan.

Sungguhpun Menteri Kewangan telah memberi kemudahan untuk industri pembangunan, saya memaklumkan di Dewan baru-baru ini, Perbendaharaan telah beri arahan bahawa Kontrektor-kontrektor Bumiputra boleh tolak (set off) pembayaran membeli besi logam (steel bars) daripada Pernas daripada pembayaran (progress-payment) dalam urusan kontrak, akan tetapi kemudahan ini tidak diberi kepada Kontrektor-kontrektor bukan Bumiputra. Untuk mengelakkan wang (lock-up unnecessary cash), saya harap kemudahan itu sepatutnya diberi kepada kesemua Kontrektor-kontrektor.

Akhirnya saya menyokong Belanjawan 1980.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Jerai.

6.26 ptg.

Tuan Ismail bin Arshad (Jerai): Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1981 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada 17hb Oktober yang lalu adalah satu Belanjawan yang sungguh berharga dan amat membanggakan terutama bagi kalangan-kalangan rakyat di sektor pertanian dan di kalangan masyarakat yang berpendapatan rendah di negara kita ini. Ini adalah berdasarkan dari keadaan dan strategi yang telah pun diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan itu sendiri yang mana mempunyai strategi selain daripada hendak mengekalkan pertumbuhan ekonomi di taraf yang tinggi di negara kita ini dan

juga di samping untuk membendung inflasi di dalam negeri kita adalah juga untuk memberi manfaat terutama sekali kepada kalangan ataupun golongan-golongan yang berpendapatan rendah dan juga kepada pengusahawan-pengusahawan kecil seperti pekebun-pekebun kecil getah, pesawah padi, peniaga kecil dan lain-lain.

Dari strategi yang dibentangkan dan dari peruntukan-peruntukan yang diadakan, ini menunjukkan dan mencerminkan bahawa Kerajaan adalah benar-benar untuk memikir dan sentiasa memikir kepada usaha-usaha dan perancangan-perancangan bagi dapat membantu kalangan-kalangan ataupun orang-orang yang selama ini telah memberi kepercayaan dan amanah kepada Kerajaan mengendalikan pentadbiran dan pemerintahan negara ini kepada matlamat kesejahteraan yang lebih sempurna.

Wakil dari Damansara yang telah berucap di Dewan ini sebentar tadi telah membangkitkan bahawa Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan ini tidak membuktikan memberi faedah apa-apa pun kepada kalangan golongan yang berpendapatan rendah dan beliau juga telah membangkitkan bahawa banyak masalah-masalah yang berlaku di negara ini yang memberikan keadaan-keadaan yang tidak begitu selesa. Di sini saya inigin bertanya kepada beliau

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh sambung lagi esok. Dewan ditangguhkan sehingga 2.30 petang, hari esok, 30-10-1980.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.